KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

# PROGRAM SEMARAK KASIH SPM 2.0 JPN SARAWAK TAHUN 2021

# BAHASA MELAYU

**ISI KANDUNGAN**


| | Muka surat |
|---|---|
| Isi Kandungan | i |
| Pendahuluan | ii |
| Apresiasi | iii |
| Penyumbang soalan setiap zon | 1 - 3 |
| Penyelaras | 3 |
| Format Instrumen Peperiksaan Spm Mulai Tahun 2021 Mata Pelajaran Bahasa Melayu (1103) | 4 - 5 |
| Cadangan Kriteria Penskoran Bahasa Melayu Kertas 1 | 6 - 8 |
| Frasa Menarik Yang Boleh Digunakan Untuk Menulis Karangan | 9 - 10 |
| **Kertas 1** | |
| Set 1 | 12 - 14 |
| Set 2 | 15 - 18 |
| Set 3 | 19 - 22 |
| Set 4 | 23 - 26 |
| **Kertas 2** | |
| Set 1 | 28 - 36 |
| Set 2 | 37 - 45 |
| Set 3 | 46 - 54 |
| Set 4 | 53 - 64 |
| Skema Jawapan | 65 - 111 |

**Pendahuluan**

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) sangat komited dalam memartabatkan pendidikan di negeri ini terutamanya dalam usaha meningkatkan peratus murid layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memenuhi salah satu syarat wajib iaitu lulus mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM.

Pada tahun 2021 bermulalah cabaran baharu bagi guru-guru dan juga murid-murid calon SPM apabila pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kini telah berada di tingkatan 5. Rentetan daripada itu, format baharu untuk SPM telah diperkenalkan sejajar dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang baharu.

Menyedari bahawa dalam mendepani sesuatu yang baharu pasti banyak cabaran, antaranya kekurangan bahan rujukan, kekurangan soalan-soalan contoh dan mungkin kefahaman yang belum mendalam. Maka, bidang Bahasa Sektor Pembelajaran, Pejabat Pendidikan Sarawak (JPNS) telah membentuk Pasukan Petugas (*Task Force*) Bahasa Melayu dalam kesiapsiagaan menghadapi SPM format baharu ini. Antara tugasan yang telah dirancang ialah pembinaan modul untuk Bahasa Melayu SPM.

Modul Semarak Kasih  Bahasa Melayu SPM, terdiri daripada Kertas 1 dan Kertas 2 meliputi 18 tema dalam DSKP berserta skema jawapan telah berjaya disediakan. Usaha ini mengabungkan tenaga dan idea guru-guru BM di sekolah-sekolah menengah seluruh Sarawak. Bahan modul yang telah dihantar melalui proses semakan, penambahbaikan dan mana-mana yang perlu telah diubahsuai oleh pasukan penyelaras sebelum dimasukkan dalam kompilasi bahan modul.

**APRESIASI**


JPN SARAWAK
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN SARAWAK

YBRS. DR. NORSIAH BINTI SUHAILI
(PNGARAH JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK)

BIDANG BAHASA JPN SARAWAK

PENYELARAS MODUL BAHASA MELAYU SPM JPN SARAWAK

EN.SAIRI BIN ADENAN, PN. KARIAH@ SARIAH BINTI HAJI MOS,
EN. RAKIN ANAK SEBASTIAN RUMPANG

SEMUA PENYUNTING BAHAN

SEMUA PENGETUA SEKOLAH MENENGAH JPNS SARAWAK

GURU-GURU BAHASA MELAYU (PENYUMBANG BAHAN MODUL)
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK

KULIT DEPAN MODUL
MOHAMAD SAHRIL BAKRI ABDULLAH


YANG KURIK ITU KUNDI,
YANG MERAH ITU SAGA;
YANG BAIK ITU BUDI,
YANG INDAH ITU BAHASA.

**FLY KENYALANG FLY**
**FLY HIGH**

Rama-rama disurau gedang,
Dalam gedang batu asahan,
Kamar sang raja beradu diri;
PDP efisien SPM cemerlang,
Matlamat kita untuk sandaran,
Modul Semarak Kasih Maslahat kendiri

MOHAMAD SAHRIL BAKRI ABDULLAH
SMK PUJUT MIRI
EDITOR KERTAS 1 DAN KERTAS 2

## ZON KUCHING

## DIHASILKAN OLEH:

| NAMA PEGAWAI / GURU | PPD / SEKOLAH | **MODUL** |
|---|---|---|
| Tn. Hj Zambri bin Ismail (Ketua) | SMK Petra Jaya, Kuching | Modul Kertas 1&2 Panduan Jawapan<br><br>Set 1<br>Set 2 |
| Pn.Yustina Hendon Khadijah (Penolong) | SMK St.Teresa, Kuching | |
| Pn. Zalina binti Awi | SMK St.Teresa, Kuching | |
| Pn. Maimunah binti Ibrahim | Kolej DPAH Abdillah, Kuching | |
| Pn. Rosni binti Man | SMK Bandar Kuching No.1 | |
| Pn. Nurlydiana binti Junaidi | SMK Green Road, Kuching | |
| Pn. Muhibah binti Haji Bedan | SMK Tunku Abdul Rahman, Kuching | |
| En. Tambi bin Bakeri | SMK Padungan, Kuching | |
| En. Khairul Azemir bin Annuar | SMK Bandar Kuching No.1 | |
| Pn. Suriyati binti Ahmad | SMK Tunku Abdul Rahman, Kuching | |
| Pn. Saptuyah binti Tambi | SMK Sains Kuching Utara, Padawan | |
| Pn. Nordiah binti Abang Alias Sebli | SMK Matang Hilir, Padawan | |
| En. Hazman bin Majri | SMK Sri Matang, Padawan | |
| En. Mohd Ghazali Riyyin bin Abdullah | SMK Tun Abdul Razak, Padawan | |
| En. Fakhrulrozi bin Sunip | SMK Asajaya, Samarahan | |
| Pn. Sapiah binti Ariffin | SMK Sadong Hilir, Samarahan | |
| En. Ismail bin Hadadak | SMK Sadong Jaya, Samarahan | |
| Pn. Dayang Salina binti Mat Saat | SMK Muara Tuang, Samarahan | |
| Pn. Lin anak Asit | SMK Kota Samarahan | |
| Pn. Lucy anak Serian | SMK Muara Tuang, Samarahan | |
| Pn. Siti Hajar binti Ahmad | SMK Wira Penrissen, Samarahan | |
| En. Abdul Talib bin Ochar | SMK Simunjan No.1, Simunjan | |
| Pn. Hamsiah binti Lazim | Pejabat Pendidikan Daerah Simunjan | |
| Pn. Dayang Timinah binti Rashidi | SMK Lundu | |
| Pn. Alfizah binti Putit | SMK Senibong, Lundu | |
| Pn. Rohana binti Sat | SMK Lundu | |

## ZON SIBU

## DIHASILKAN OLEH:

| NAMA PEGAWAI / GURU | PPD / SEKOLAH | **MODUL** |
|---|---|---|
| En. Affendi bin Sanawi (Ketua) | SMK Kampung Nangka, Sibu | Modul Kertas 1&2 Panduan Jawapan<br><br>Set 3 |
| En. Fathi bin Jali (Penolong Ketua) | SMK Lanang, Sibu | |
| Pn. Hasiah binti Pukim | Pejabat Pendidikan Daerah Sibu | |
| Hajjah Siti Mariam binti Abdul Rahman | Pejabat Pendidikan Daerah Sibu | |
| Pn. Norfaraliza binti Sabri | SMK Deshon, Sibu | |
| Pn. Nadhirah binti Abdullah | SMK Agama Sibu | |
| Pn. Norleza@ Norlega binti Hossen | SMK Sacred Heart, Sibu | |
| Pn. Siti Amirah binti Abdullah | SMK Chung Hua Sibu | |
| Pn. Dayang Shaliza binti Sahari | SMK Kampung Nangka Sibu | |
| Pn. Norazua binti Ibrahim | Kolej Vokasioal Sibu | |
| Pn. Faizah binti Abdul Rahim | SMK St. Anthony, Sarikei | |
| Pn. Afizah binti Mohamad Ali Fauzi | SMK St. Anthony, Sarikei | |
| Pn. Hamsiah binti Kunggi | Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei | |
| Pn. Zubaidah binti Dan | SMK St. Anthony, Sarikei | |
| En. Zulkarnain bin Norshen | SMK St. Patrick, Mukah | |
| Pn. Ayang binti Abdul Hadi | SMK Agama Igan Mukah | |
| En. Juni bin Nor | SMK Dalat | |
| Pn. Mary Hayati binti Rosli | SMK Dato Patinggi Kedit, Betong | |
| En. Abang Mostapha bin Abang Mentaril | SMK Pusa, Betong | |
| En. Julkaria bin Abdul Rahim | SMK Sri Aman | |

## ZON MIRI
## DIHASILKAN OLEH:

| NAMA PEGAWAI / GURU | PPD / SEKOLAH | MODUL |
|---|---|---|
| Pn. Dayang Zakiah binti Abang Johny (Ketua) | Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu | Modul Kertas 1&2 Panduan Jawapan<br><br>Set 4 |
| En. Zambri bin Zainal (Penolong Ketua) | Pejabat Pendidikan Daerah Miri | |
| Pn. Jerrah binti Pandin | SMK Baru Miri | |
| Pn. Lilywati binti Merais | SMK Dato Permaisuri, Miri | |
| En. Erman Ngah bin Mauzi | SMK Agama Miri | |
| En. Mardianto bin Hamid | Kolej TDTH Bujang, Miri | |
| En. Mohamad Shahril Bakri Abdullah | SMK Pujut, Miri | |
| En. Sii Kiong Ming | SMK Asyakirin, Bintulu | |
| Pn. Sabtuyah binti Wasli | SMK Bintulu | |
| En. Shah Rizan Bin Suif | SMK Agama Limbang | |
| Pn. Siti Hotimah binti Muhazir | SMK Bandar Sarikei | |
| Pn. Srikandi @ Saemah binti Samaon | SMK Mukah | |
| Pn. Siti Hajar binti Basir | SMK Tatau | |
| Pn. Daina Anthony Paru | SMK St. Columba, Miri | |
| En. Sapiie bin Morinie | SMK Agama Miri | |

## PENYELARAS

| **NAMA PEGAWAI** | **JABATAN** |
|---|---|
| En.Sairi bin Adenan | Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak |
| Pn. Kariah@ Sariah binti Haji Mos | Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak |
| En. Rakin anak Sebastian Rumpang | Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak |

## FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021
## MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (1103)

| Bil | Perkara | Kertas 1 (1103/1) | Kertas 2 (1103/2) | Kertas 3 (1103/3) | Kertas 4 (1103/4) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Jenis Instrumen** | Ujian Bertulis | Ujian Bertulis | Ujian Bertutur | Ujian Mendengar |
| 2 | **Jenis Item** | • Subjektif Respons Terhad<br>• Subjektif Respons Terbuka | • Subjektif Respons Terhad<br>• Subjektif Respons Terbuka | • Subjektif Respons Terhad<br>• Subjektif Respons Terbuka | • Objektif Aneka Pilihan<br>• Objektif Pelbagai Bentuk<br>• Subjektif Respons Terhad |
| 3 | **Bilangan Soalan** | **Bahagian A**<br>Satu (1) soalan berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan Jawab **1** soalan<br><br>**Bahagian B**<br>Empat (4) soalan esei.<br>Pilih dan jawab **satu** daripada empat soalan<br><br>Jumlah soalan :<br>5 Soalan | **Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa**<br>1. Morfologi<br>2. Sintaksis<br>3. Penyuntingan<br>4. Bahasa Melayu Standard<br>• menukarkan bahan teks klasik/lama kepada Bahasa Melayu Moden/ Standard<br>5. Peribahasa<br><br>**Bahagian B – Pemahaman**<br>**Soalan 6 dan 7** berdasarkan petikan bahan prosa dan bukan prosa<br>(Umum / Drama / Cerpen / Prosa Tradisional / Puisi Tradisional / Sajak)<br>**Soalan 8** berdasarkan novel tingkatan 4 dan 5<br><br>**Bahagian C – Rumusan**<br><br>**Soalan 9** menulis rumusan | **Bahagian A – Individu**<br>• 1 petikan/bahan rangsangan yang disediakan untuk setiap calon<br>• Bersoal jawab dengan pentaksir<br>**Bahagian B – Kumpulan**<br>• 1 tajuk/tema umum disediakan untuk perbincangan<br>• Perbincangan dalam kumpulan<br>3 – 5 orang calon | • 4 – 6 petikan<br>• Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (Jawab **semua** soalan)<br>• Jawapan berdasarkan petikan. |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jumlah soalan :<br>**9 soalan** | | |
| 4 | **Jumlah Markah** | **100 markah** | **100 markah** | **70 markah** | **30 markah** |
| 5 | **Wajaran** | | | | |
| 6 | **Konstruk** | Kemahiran Menulis<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Menilai<br>• Mencipta | Kemahiran Membaca<br>• Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Menilai<br>• Mencipta | Kemahiran mendengar dan bertutur<br>• Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Menilai | Kemahiran Mendengar<br>• Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis |
| | | Pengetahuan sistem bahasa | | | |
| | | Nilai | | | |
| 7 | **Tempoh Ujian** | **2 jam** | **2 jam 30 minit** | **Individu**:<br>3 hingga 5 minit<br>**Kumpulan**:<br>12 hingga 15 minit | **30 minit** |
| 8 | **Cakupan Konteks** | Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) | | | |
| 9 | **Aras kesukaran** | **Rendah:Sederhana:Tinggi**<br>**5:3:2** | | | |
| 10 | **Kaedah Penskoran** | • Holistik | • Analitik<br>• Holistik | • Analitik<br>• Holistik | • Dikotomus<br>• Analitik |
| 11 | **Alat tambahan** | | | | • DVD/ CD Rakaman/ Audio<br>• Pemain DVD/CD/ Laptop |

**CADANGAN KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**
**[BAHAGIAN A – 30 markah]**

| PERINGKAT & MARKAH | KRITERIA |
|---|---|
| **CEMERLANG**<br><br>**25 – 30 Markah** | • **Menepati tema** bahan rangsangan<br>• **Gramatis** dari segi kata dan ayat<br>• Tanda baca **betul dan tepat**<br>• Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu<br>• Kosa kata **luas dan tepat**<br>• Wacananya **lengkap**<br>• Unsur bahasa yang **bervariasi**<br>• Guna ungkapan yang **menarik**<br>• Idea **relevan dengan tema** bahan rangsangan<br>• Dihuraikan dengan **jelas dan matang** |
| **KEPUJIAN**<br><br>**20 - 24 Markah** | • **Menepati tema** bahan rangsangan<br>• **Gramatis** dari segi kata dan ayat<br>• Tanda baca **betul dan tepat**<br>• Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu<br>• Kosa kata **luas**<br>• Wacana **lengkap**<br>• Unsur bahasa yang **bervariasi**<br>• **Idea relevan dengan tema** bahan rangsangan<br>• Dihuraikan dengan **jelas** |
| **BAIK**<br>**15 - 19 Markah** | • **Masih menepati tema** bahan rangsangan<br>• **Masih gramatis** dari segi kata dan ayat<br>• Tanda baca **masih betul dan tepat**<br>• Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu<br>• Kosa kata **umum**<br>• Wacana **masih lengkap**<br>• Unsur bahasa **masih bervariasi**<br>• Idea **masih relevan dengan tema** bahan rangsangan<br>• Huraian idea **masih jelas** |
| **PENCAPAIAN MINIMUM**<br><br>**9 - 14 Markah** | • **Masih / kurang menepati tema** bahan rangsangan<br>• **Kurang gramatis** dari segi kata dan ayat<br>• Kesalahan tatabahasa **ketara**<br>• Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang **ketara**<br>• Kosa kata **terhad**<br>• Wacana **kurang lengkap**<br>• Unsur bahasa **kurang bervariasi**<br>• **Idea kurang relevan dengan tema** bahan rangsangan<br>• Huraian idea **kurang jelas** |
| **BELUM MENCAPAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM**<br>**1- 8 Markah** | • **Tidak memahami tema** bahan rangsangan<br>• **Banyak kesalahan bahasa** dari segi kata dan ayat<br>• Calon **tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis**<br>• **Idea tidak menepati tugasan soalan.** |

**Nota :-**
**Untuk Bahagian A dan B**

**Penulisan karangan BM 1 SPM, perkara-perkara berikut dikira sebagai 1 perkataan**
1. Nama khas
2. Peribahasa
3. Pantun
4. Maksud hadis/ al-Quran
5. Alamat (surat kiriman)
(Perkara-perkara lain yang telah ditetapkan sebelum ini sebagai 1 perkataan ikut seperti biasa)

**### Tahap dan kriteria ini hanya cadangan para pembina modul memandangkan format terkini hanya digunakan dalam SPM pada tahun 2021. Sebarang perubahan pada masa akan datang, secara automatik cadangan ini terbatal dan kita menggunakan kriteria yang terkini dari semasa ke semasa.**

**CADANGAN KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**
**[BAHAGIAN B – 70 markah]**

| PERINGKAT & MARKAH | KRITERIA |
|---|---|
| **CEMERLANG**<br><br>**60 – 70 markah** | ✓ Idea yang **relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan **jelas dan matang** berserta **contoh yang sesuai**<br>✓ Penggunaan pelbagai jenis **kata yang luas dan tepat**<br>✓ Penggunaan **pelbagai ayat majmuk yang gramatis**<br>✓ **Ejaan** dan **tanda baca** yang betul<br>✓ **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan<br>✓ Penggunaan **unsur bahasa yang bervariasi**<br>✓ Gaya bahasa **menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.<br>✓ Pengolahan yang **sangat menarik dan berkesan** serta pemerengganan yang sesuai.<br>✓ Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan<br>✓ Format **menepati** kehendak **tugasan** |
| **KEPUJIAN**<br><br>**48-59 markah** | ✓ **Idea yang relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang berserta contoh yang sesuai<br>✓ Penggunaan pelbagai jenis **kata yang tepat**<br>✓ Penggunaan **kosa kata luas** dan **tepat**<br>✓ **Ejaan** dan **tanda baca** yang betul<br>✓ Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat **kesalahan minimum**<br>✓ **Laras bahasa** yang sesuai dengan tugasan<br>✓ Penggunaan **unsur bahasa masih bervariasi**<br>✓ **Gaya bahasa masih menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa,pantun, cogan kata atau frasa |

| | |
|---|---|
| | ✓ **Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.<br>✓ **Wacana** lengkap serta terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan<br>✓ Format menepati kehendak tugasan |
| **BAIK**<br><br>**36-47 markah** | ✓ Idea **masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai atau **isi bercampur aduk,** huraian kurang jelas, tidak seimbang dan contoh masih sesuai<br>✓ Penggunaan pelbagai jenis **kata yang sesuai**<br>✓ Penggunaan **kosa kata umum**<br>✓ Penggunaan ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat **kesalahan minimum**<br>✓ Ejaan dan tanda baca **masih betul**<br>✓ Penggunaan unsur bahasa **kurang bervariasi**<br>✓ Laras bahasa sesuai dengan tugasan<br>✓ Pengolahan **masih menarik** dan pemerengganan masih sesuai<br>✓ Gaya bahasa **kurang menarik** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa kurang berkesan.<br>✓ Wacana **masih atau kurang lengkap**<br>✓ Format menepati kehendak tugasan |
| **PENCAPAIAN MINIMUM**<br><br>**24-35 markah** | ✓ Idea **masih relevan** atau **idea bercampur aduk** dan huraian **tidak jelas atau tidak berkembang** dan contoh tidak sesuai<br>✓ Penggunaan **kata yang kurang tepat**<br>✓ **Ayat kurang/tidak gramatis** tetapi **masih** dapat difahami<br>✓ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara<br>✓ Unsur bahasa **tidak bervariasi**<br>✓ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa serta penggunaan ungkapan lemah.<br>✓ Pengolahan **tidak menarik**<br>✓ Wacana **tidak lengkap** dan binaan perenggan **tidak seimbang** |
| **BELUM MENCAPAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM**<br><br>**1-23 markah** | ✓Idea **bercampur aduk** dan **huraian tidak jelas** atau tidak berkembang dan contoh tidak sesuai<br>✓Keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan **kata** dan **ayat yang tidak gramatis**<br>✓Kesalahan **ejaan dan tanda baca yang ketara**<br>✓Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **lemah** serta **tidak menarik**<br>✓Pengolahan **tidak menarik**<br>✓Wacana **tidak lengkap** dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai<br>✓ Keseluruhan karangan **sukar atau tidak difahami..** |

## FRASA MENARIK YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENULIS KARANGAN

mendepani realiti baharu dunia yang pantas berubah dan berkembang
mendukung kebenaran yang kita sepakat
mengamalkan sikap dan perwatakan yang murni
mengambil langkah sederap
menghirup udara hasil kemerdekaan
mengikut acuan sendiri
mengundang kontroversi
menjadi cerucuk utama pembangunan
menjulang negara ke puncak jagat
menuntut setiap anak watan mengotakan aspirasi
menyambut gamit-gamitan menara impian
menyebabkan imej negara tercalar
menyediakan kursus dan latihan yang relevan
menyembunyikan masalah utama masyarakat
mereka lebih cenderung kepada keseronokan dan berpelesiran
mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan
milenium baru ini pasti sahaja sarat dengan muatan cabaran reformasi
muafakat merupakan inti kepada perpaduan
negara kita akan bersih daripada unsur sosial yang tidak sihat
nilai keinsanan yang syumul
nilai-nilai material semakin memberkas dan meluas dalam masyarakat
pandangan pro dan kontra yang dipaparkan
pelbagai cabaran yang bakal menghambat
pelbagai masalah sosial sedang menghinggapi masyarakat
pembentukan masyarakat sakinat
pembudayaan ilmu perlu dipupuk dan dibajai oleh generasi muda masa ini
pendedahan oleh pihak media massa menghangatkan senario ini
perlu dibaja kembali
perubahan yang diharap masih belum menjelma
petanda kehancuran generasi
pewujudan masyarakat madani-propaganda negatif terhadap negara kita dapat ditepis
kita perlu mengorak langkah
kita tidak wajar hanya akur dengan arus yang songsang ini
komitmen menyeluruh agensi yang terlibat
kongkongan yang selama ini dianggap membelenggu
masalahnya, kita mahu memberi pendapat tetapi tidak rela dikritik
makmur dari segi ekonomi tetapi muflis nilai kekeluargaan
mampu mengadunkan satu kombinasi usaha yang cukup padu
manifestasi kesanggupan bangsa
manusia bukanlah `haiwan robotik’ yang tidak mempunyai rasa dan jiwa
masa depan menjanjikan cabaran di luar jangkaan
masalah putusnya komunikasi dan jurang generasi
masalah sosial dan susila yang meruncing
masih terbelenggu dengan cara berfikir yang sempit
masyarakat yang naif dengan mata kebendaan yang melalaikan
melangkah dengan seribu kekuatan
melontarkan soalan yang cukup penting

melupakan cita-cita yang lebih luhur
membangunkan generasi yang berketerampilan, sahsiah mulia dan berilmu
membebaskan mereka daripada belenggu kejahilan dan kegelapan
membenam budaya hedonistik yang tidak berfaedah
membetulkan kesalahan fakta
membimbing mereka memenuhi impian
membina impian masa depan yang lebih gemilang
membongkar kepincangan
membuktikan sensitiviti, kepekaan dan keprihatinan mereka
mempengaruhi minda generasi muda
mempertahankan perasaan saling bersefahaman
mempertingkat dan memperteguh kefahaman
mempraktikkan elemen tolak ansur
memudaratkan kesejahteraan rakyat
menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung
menaburkan nilai kebendaan yang tidak bertahan lama
menagih komitmen dan pengertian serius semua pihak
menampilkan wajah baru yang disulami tekad
menangkis tuduhan yang tidak berasas
mencapai tahap yang mencemaskan
mencerminkan dengan jelas akan hakikat ini
mencerminkan generasi yang muflis dan tercabut daripada akar tradisinya
mendapat perhatian dan liputan media massa
mendepani masa depan yang tidak menentu

# 1103/1

# BAHASA MELAYU

# KERTAS 1

## Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

*Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan penjagaan kesihatan diri yang perlu diamalkan oleh setiap individu.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **penjagaan kesihatan diri.**
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**

**BAHAN 1**

Menjaga kesihatan badan adalah sangat penting bagi semua individu dan tidak mengira faktor usia. Salah satu sebab kebersihan diri itu penting adalah untuk memastikan tahap kesihatan berada dalam keadaan yang baik. Kebersihan diri adalah salah satu kunci kepada kesihatan diri. Sekiranya anda tidak mengekalkan kebersihan diri, maka anda akan lebih mudah untuk dijangkiti pelbagai penyakit.

*Sumber : Internet*

**BAHAN 2**






**BAHAGIAN B**
[70 markah]
(1 jam 30 minit)

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**Soalan 1**

| |
|---|
| Arkeopelancongan lazimnya selari dengan sektor agropelancongan terutamanya apabila tapak-tapak yang berkaitan dengan sejarah selalunya berkait dengan pelancongan alam semulajadi seperti perancangan penubuhan Kompleks Megalit Malaysia (KMM) di Negeri Sembilan.<br>Walau bagaimanapun, menurut pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Adnan Juson, arkeopelancongan menjadi satu cabaran di Perak kerana kekurangan tenaga mahir dalam bidang arkeologi serta cabaran kewangan.<br>Dipetik dan diubah suai daripada *Berita ASTRO AWANI*<br>Oleh Siti Nursyafiqah Samsudin<br>Mac 9, 2018 |

Petikan berita di atas menerangkan industri arkeopelancongan di Malaysia.

Bincangkan cara-cara yang paling berkesan untuk mempromosikan arkeopelancongan di negara kita

**Soalan 2**

| |
|---|
| Pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan mempunyai hubungan rapat dengan ilmu. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada persekitarannya serta memahami diri sendiri. Pendidikan juga bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap<br>Sumber: Internet |

Petikan di atas menunjukkan kepentingan pendidikan dalam kehidupan.

Huraikan sokongan dan dorongan yang boleh diberikan oleh keluarga untuk kecemerlangan anak-anak dalam bidang pendidikan.

**Soalan 3**

| |
|---|
| Kuala Lumpur: Pemain perseorangan nombor satu negara, Lee Zii Jia mengharapkan tuah jenama Yonex untuk menempa lebih banyak kejayaan dalam sukan badminton pada masa akan datang.<br><br>Juara All England 2021 itu mengharapkan agar penajaan oleh Yonex mampu membakar semangat pemain lain serta Persatuan Badminton Malaysia (BAM) untuk terus tampil lebih cemerlang memajukan sukan badminton tanah air.<br><br>*Sumber: Internet* |

Malaysia mampu beraksi cemerlang di pentas dunia. Pelbagai usaha telah dan terus dijalankan untuk memastikan impian tersebut menjadi kenyataan. Anda mempunyai pandangan tentang cara untuk melahirkan atlet cemerlang di sekolah anda.
Tulis sepucuk surat kepada Tuan Pengetua sekolah anda dengan menyatakan pandangan anda itu.

**Soalan 4**

| |
|---|
| Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman melaporkan 10,382 kes kemalangan yang berlaku di seluruh negara dalam tempoh 32 hari pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini. Walaupun dikatakan malang tidak berbau, kita masih boleh mengambil beberapa langkah yang proaktif dalam memastikan kemalangan maut tidak terus meningkat kesan daripada sikap pengguna jalan raya yang mementingkan diri sendiri.<br><br>Dipetik dan diubah suai daripada *'Cegah Sebelum Parah'*<br>*Berita Harian*<br>*27 Mac 2019* |

Kemalangan jalan raya sering berlaku disebabkan oleh beberapa faktor.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya terutamanya dalam kalangan penunggang motosikal.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**BAHAGIAN A**
**[30 Markah]**
Masa dicadangkan 45 minit

*Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan pendermaan darah.*

*Anda merupakan setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) di sekolah anda. Anda telah menemu bual seorang doktor yang sedang berkhidmat di sebuah hospital kerajaan berkenaan dengan pendermaan darah. Tulis temu bual tersebut untuk diterbitkan dalam Majalah Sekolah*

*Panjangnya surat anda hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

**BAHAN 1**



**BAHAN 2**


MYCSD & MYCPD DISEDIAKAN
JOM DERMA DARAH
DARAH
20 SEPT 2017 @RABU
9.00 AM - 4.30 PM
PUSAT SEJAHTERA USM
ANJURAN KLKM USM DENGAN KERJASAMA PUSAT SEJAHTERA USM & HOSPITAL PULAU PINANG
ANDA LAYAK MENDERMA JIKA:
BERAT BADAN MELEBIHI 45KG
BERUMUR 18 - 60 TAHUN
TIDAK MENGAMBIL ANTIBIOTIK
TIDAK MENGHIDAP SAWAN, DARAH TINGGI, DIABETES ATAU PENYAKIT BERJANGKIT
TIDAK HAMIL TIDAK HAID
TIDUR MELEBIHI 5 JAM
ANDA TIDAK LAYAK MENDERMA JIKA:
MENGAMALKAN HUBUNGAN SEKS SEJENIS ATAU DENGAN KEDUA-DUA JANTINA
MENGHIDAP PENYAKIT KELAMIN ATAU PENYAKIT BERJANGKIT
MELANGGANI PEKERJA SEKS
BERTUKAR-TUKAR PASANGAN SEKS
MENGAMBIL DADAH DENGAN BERKONGSI JARUM SUNTIKAN
KLKMUSM
@KLKM_USM
USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
APEX
BHEPA USM
SOARING UPWARDS


8 GOLONGAN YANG ANDA BOLEH BANTU DENGAN MENDERMA DARAH
1 MANGSA KEBAKARAN
2 PESAKIT TALASEMIA
3 PESAKIT DENGGI
4 MEREKA YANG MEMERLUKAN PEMBEDAHAN DAN TRANSPLAN
5 MANGSA KEMALANGAN
6 IBU YANG MELAHIRKAN DAN BAYI YANG TIDAK CUKUP BULAN
7 PESAKIT KANSER
8 DI PENGHUJUNG NYAWA
Kempen Derma DARAH
www.fb.com/kementerian kesihatanmalaysia
https://twitter.com/KKMPutrajaya
http://www.instagram.com/ kementeriankesihatanmalaysia

## BAHAGIAN B
**[70 Markah]**
Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.*

**Soalan 1:** Domain Awam

> Sesetengah kes yang berleluasa di Malaysia melibatkan penyakit yang berpunca daripada makanan dan melalui air seperti cirit-birit, penyakit bawaan vektor, seperti demam denggi dan penyakit sentuhan air seperti leptospirosis. Sebenarnya, sebilangan penyakit yang disebutkan semakin sering menjangkiti rakyat Malaysia belakangan ini, manakala sesetengah lagi telah muncul semula dalam komuniti setelah berjaya dikawal selama bertahun-tahun. Demam denggi, penyakit berjangkit nombor satu dalam negara telah mencecah bilangan kes tertinggi dengan 119,190 kes dan 162 kematian pada tahun 2019.
>
> *Sumber : laman Prudential BSN Takaful, prubsn.com.my/sms/helth-wlllness/5-tips-to- prevent-infectious-diseases-in-Malaysia*

Petikan di atas menyatakan situasi penyakit berjangkit yang telah mengancam kesihatan dan nyawa masyarakat di negara kita.

Bincangkan langkah-langkah untuk menangani penularan penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat di negara kita.

**Soalan 2 :** Domain Kerjaya

> Arahan agar semua pegawai bekerja dari rumah menimbulkan pelbagai reaksi. Kepada yang berfikiran positif, arahan ini dilihat sebagai sesuatu yang fleksibel, menjadi lebih kreatif serta menyesuaikan diri dengan pantas dengan perubahan baharu atau kebiasaan baharu. Kebiasaan baharu sepatutnya diterima dengan hati terbuka kerana ia mendatangkan banyak faedahnya.
>
> Sumber: *BERNAMA*, 15 Julai 2020

Sejak berlakunya penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menggalakkan kakitangan awam dan swasta bekerja dari rumah bagi mengurangkan risiko penyebaran virus.

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah apabila sistem bekerja dari rumah mula diamalkan.

**Soalan 3:** Domain Pendidikan

| |
|---|
| **Membina Perpaduan Melalui Pendidikan**<br>Keunikan kepelbagaian etnik, agama dan budaya sejak dahulu lagi menjadi kekuatan dan cabaran terbesar Malaysia. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks kerana kepelbagaian etnik, agama dan budaya, maka semakin penting bagi rakyat untuk membentuk identiti Malaysia dan menghargai kepelbagaian warisannya. Sebagai ruang yang dikongsi oleh semua rakyat, sekolah mempunyai potensi yang unik untuk memupuk perpaduan.<br><br>(Sumber : Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025) |

Maklumat di atas adalah berkenaan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan yang amat menitikberatkan aspek perpaduan dalam kalangan pelajar .

Jelaskan langkah-langkah memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar di sekolah.

**Soalan 4 :** Domain Awam

| |
|---|
| Hasil daripada kajian Globalstar, didapati lebih daripada 72% penggunaan media sosial di Malaysia merupakan antara pengguna tegar atau ketagihan media sosial terutama kebergantungan kepada telefon pintar. Media sosial yang paling kerap digunakan oleh rakyat Malaysia ialah Facebook (79%), Twitter (5%), You tube (4%) dan Instagram (3%).<br>*Sumber: Sinar Harian, 19 September 2020* |

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa masyarakat kita lebih ghairah dan obses terhadap media sosial berbanding dengan masyarakat negara-negara maju. Hal ini bermakna setiap 10 minit atau kurang rakyat Malaysia akan sentiasa melihat atau mengintai telefon pintar mereka. Ketagihan media sosial bukan sahaja melanda para remaja dan kanak-kanak tetapi juga berjangkit kepada golongan yang lebih berusia.

Huraikan peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## BAHAGIAN A
**[30 Markah]**
Masa dicadangkan : 30 minit

*Maklumat di bawah berkaitan dengan isu pengangguran.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **isu pengangguran di Malaysia**.
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan*.***

Pintu mana lagi yang harus ku ketuk selain pintu-Mu,
Arah mana lagi yang harus ku tuju selain arah-Mu,
Timur, Barat, Utara, Selatan sudah ku lewati,
Namun tidak ada cahaya menghampiri,
Ya Allah,
Beribu petua sudah kuresapi,
Beribu khabar ku salami,
Beribu cara sudah ku lalui,
Ya Allah,
Ku serah ke tangan Mu,
Yang terbaik bagiku

*Puisi seorang Penganggur*
*Sumber: Internet*

Kadar pengangguran Malaysia untuk April tahun ini melonjak kepada lima peratus, mengatasi kadar purata tahunan untuk tempoh 30 tahun terakhir.

Berdasarkan laporan Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia untuk April 2020 yang diterbitkan hari ini, kadar pengangguran negara melonjak kepada 5.0 peratus dan jumlah penduduk yang tiada pekerjaan meningkat 48.8 peratus berbanding tahun sebelumnya kepada 778,800 orang.

*Sumber: Internet*




*Sumber :Internet*
*https://posteri.web.app/kadar-pengangguran-di-malaysia-2002-hingga-2012.html*

**BAHAGIAN B**
**[70 Markah]**
Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.*

**Soalan 1 :** Domain Awam

> Pada umumnya, peranan para belia masa ini dan akan datang sudah pasti akan menjadi lebih mencabar kemampuan dan ketahanan mereka. Untuk menjadi proaktif, idealisme dan keazaman yang tinggi amatlah perlu. Begitulah saranan oleh Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena perutusan Hari Belia Negara 2000, para belia harus mempunyai idealisme tinggi untuk mencapai kejayaan kerana tanpanya, tamadun dan kehidupan mereka tidak akan maju dan sukar untuk mencapai kejayaan cemerlang.
>
> *Sumber: Dipetik daripada ucapan,*
> *Mantan Perdana Menteri,*
> *Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,*
> *Internet.*

Petikan di atas menyatakan bahawa belia berhadapan dengan banyak cabaran dalam usaha mencapai kejayaan serta membantu menyumbang kepada pembangunan negara.

Jelaskan cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh para belia menjelang alaf baru ini.

**Soalan 2:** Domain Pendidikan

> Sains merupakan pembelajaran dan kajian tentang satu perkara manakala teknologi pula adalah ciptaan manusia untuk menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan fakta dan kajian saintifik. Oleh itu, kedua-duanya saling berkait antara satu sama lain kerana ia memerlukan input daripada kedua-dua pihak. Kita sebagai manusia yang bijak seharusnya menjadikannya sebagai agenda utama dalam mengecap kemajuan pada hari ini kerana ia bakal membawa setiap sudut kehidupan manusia ke alaf yang baharu.
>
> Sumber : ipendidikan.my,
> *Kepentingan Sains dan Teknologi*
> *Dalam Kehidupan Harian*, 29 Disember 2020

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan kepentingan Sains dan Teknologi dalam mengecap kemajuan pada masa hadapan.

Bincangkan kepentingan-kepentingan Sains dan Teknologi kepada golongan pelajar pada masa ini.

**Soalan 3:** Domain Kerjaya

> Kerajaan bukan sahaja secara serius menggalakkan golongan muda terlibat dalam sektor pertanian tetapi turut mengajak graduan bersama-sama dalam usaha meremajakan industri penting negara ini. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, inisiatif dan galakan kerajaan itu juga sebenarnya adalah sebahagian usaha bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Sehubungan itu menurutnya, bagi merealisasikan hasrat itu kerajaan memperkenalkan Program Agropreneur Muda bermula tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).
>
> (Dipetik dan diubah suai daripada
> 'MOA Galak Graduan Ceburi Sektor Pertanian',
> oleh BERNAMA, 15 Jun 2020)

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa bidang pertanian mampu mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa. Namun begitu, bidang pertanian kurang diminati oleh golongan belia kini.

Huraikan usaha-usaha yang harus dilakukan untuk menarik minat golongan muda dalam menceburi bidang pertanian ini.

**Soalan 4 :** Domain Pendidikan

> Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pembudayaan Keusahawanan melalui kurikulum sekolah. Beberapa sukatan pelajaran berkaitan dengan keusahawanan seperti Prinsip Akaun, Perdagangan, Pengajian Perniagaan, mata pelajaran vokasional, Ekonomi Asas dan Ekonomi Rumah Tangga telah dibentuk. Institusi Keusahawanan Negara, Kementerian Pertandingan Antarabangsa dan Industri pula memperkenalkan Program Usahawan Muda (PUM) kepada pelajar sekolah menengah. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar mengenai sistem operasi dan pembubaran syarikat berdasarkan model koperasi.
>
> *Sumber: Artikel Memupuk Budaya Keusahawanan*
> *oleh Yuslina*
> *27 Mac 2016*

Artikel di atas menyatakan bahawa pendedahan ilmu keusahawanan telah dipupuk dalam kalangan murid sejak bangku sekolah melalui strategi-strategi yang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Institusi Keusahawanan Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Huraikan manfaat-manfaat pembudayaan keusahawanan kepada diri murid-murid.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## BAHAGIAN A
**[ 30 Markah ]**
[Masa dicadangkan : 30 Minit ]

*Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah keberhutangan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia.*
*Huraikan pendapat anda tentang* **punca-punca masyarakat berhutang***.*
*Panjangnya huraian hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan***.*

### BAHAN 1

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, konsep ‘bayar sebelum peluh kering’ tidak diamalkan terutama syarikat-syarikat perniagaan sehingga menyebabkan perkara lain yang berkaitan tergendala. Disebabkan perkara itu, terdapat pihak lain seperti pembekal barangan terpaksa membuat pinjaman bukan sahaja daripada bank, malah pemberi pinjaman tanpa lesen atau ah long.

“Masyarakat perlu berubah dengan mengamalkan konsep ‘bayar sebelum peluh kering’ kepada pekerja-pekerja mereka mahupun mereka yang berhutang berbanding amalan biasa dilakukan oleh kapitalis yang suka membayar lambat,” katanya ketika menjadi panelis program Wacana Al-Quran bertajuk Padah Hutang Hilang Keluarga di Studio F Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini semalam.

*Dipetik dan diubahsuai daripada*,
Lambat bayar punca dibebani hutang,
*Oleh Zubir Sulaiman dan Raiham Sanusi,*
*Dalam Sinarharian.com, 22 Oktober 2020.*
*Artikel Penuh :* https://www.sinarharian.com.my/article/106386/KHAS/

### BAHAN 2




### BAHAN 3



**BAHAGIAN B**
**[ 70 Markah ]**
[ Masa dicadangkan : 1 Jam 30 Minit ]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan***.*

**Soalan 1 :** Domain Awam

| |
|---|
| Peningkatan pendapatan sama ada melalui aktiviti keusahawanan atau peningkatan kemahiran pekerjaan dapat memberi harapan baru kepada individu untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Namun begitu, peningkatan pendapatan memerlukan pengurusan kewangan yang baik agar dapat memberi kesan positif yang berterusan kepada kesejahteraan hidup. Individu yang menikmati peningkatan pendapatan tanpa pengurusan kewangan yang baik tidak terlepas daripada risiko untuk kembali kepada kedudukan asal berpendapatan rendah, malah masih berisiko untuk muflis jika mempunyai hutang yang tidak terkawal.<br>*Dipetik dan diubah suai daripada*<br>'Keusahawanan untuk Kesejahteraan Kewangan'<br>*Oleh Zulnaidi Yaacob*<br>*Dewan Ekonomi Bil. 10 2020, DBP.* |

*Petikan di atas menjelaskan strategi pengurusan kewangan yang perlu dititikberatkan oleh usahawan untuk memastikan kewangan sentiasa terjamin.*

*Bincangkan dengan lebih terperinci cara-cara usahawan untuk menguruskan kewangan dengan lebih berhemah agar tidak menghadapi masalah muflis.*

**Soalan 2 :** Domain Peribadi

**Apakah yang dimaksudkan dengan *2019 Novel Coronavirus* (2019-nCoV)?**

*2019 Novel Coronavirus* (2019-nCoV) atau Koronavirus Baharu 2019 ialah sejenis strain baharu koronavirus yang buat pertama kali dikenal pasti semasa penyiasatan dibuat terhadap penularan wabak di Wuhan, China. Satu perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah terdapat perbezaan besar dalam tahap penyebaran virus daripada manusia kepada manusia. Sesetengah virus sangat mudah berjangkit, manakala virus lain tidak begitu mudah disebarkan. Penyiasatan sedang dijalankan untuk memahami kebolehpindahan, tahap keterukan dan ciri-ciri lain yang dikaitkan dengan 2019-nCoV, tetapi hakikatnya terdapat tanda-tanda berlakunya penyebaran daripada manusia kepada manusia.

*Sumber :*
*https://www.dettol.com.my/my/penyakit-dan-pencegahan/pencegahan-penyakit*

Petikan daripada portal rasmi syarikat *dettol* Malaysia menerangkan sejenis virus baharu yang dipanggil *Novel Coronavirus* (2019-nCoV) atau Koronavirus yang mengancam seluruh dunia kerana sangat mudah berjangkit. Hingga sekarang belum lagi ditemui penawarnya.

*Ketidakprihatinan masyarakat terhadap penyakit berjangkit seperti demam denggi, H1N1 pandemik COVID-19 telah menyebabkan berlakunya penularan yang membawa pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.*
*Berikan komen anda.*

**Soalan 3 :** Domain Pendidikan

Kita harus meneroka kualiti anak muda yang relevan secara universal sekiranya ada. Ada yang berpendapat bahawa pemimpin dilahirkan dan tidak dibentuk. Namun begitu teori ini kurang meyakinkan kepimpinan adalah seperti kemahiran lain yang boleh diperoleh. Golongan muda harus digalakkan untuk marah sebagai pemimpin dalam komuniti mereka. Masyarakat harus menawarkan peluang yang berbeza bagi anak-anak muda untuk membina kemahiran sosial dan emosi mereka. Generasi muda juga perlu dilengkapkan dengan harga diri yang tinggi pada zaman ini. Tidak kira serendah mana perasaan anda, Selamilah diri anda dan cari satu perkara yang anda suka tentang diri anda.

*Dipetik dan diubah suai daripada*
*'Kualiti Generasi Muda pada Abad ke-21'*
*oleh Nur Anis Syafiqah Awang,*
*Dewan Siswa Bil. 11 2020*
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

*Petikan di atas membincangkan aspek-aspek yang perlu dimiliki oleh seorang anak muda untuk menjadi pemimpin yang berwibawa apabila dewasa kelak. Oleh hal yang demikian, sekolah merupakan wadah utama untuk melatih anak muda pada hari ini agar dapat melahirkan pemimpin yang berkualiti pada masa hadapan.*

*Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah agar dapat memastikan matlamat tersebut tercapai.*

**Soalan 4 :** Domain Kerjaya

Di negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan beberapa negara maju lain, golongan petani dipandang tinggi kerana mereka tergolong dalam golongan mereka yang kaya raya. Situasi ini mungkin boleh berlaku di negara kita. Negara kita Malaysia mempunyai tanah yang subur, bebas daripada bencana alam dan keadaan huru-hara yang boleh memusnahkan sebarang kegiatan ekonomi. Jika kelebihan ini tidak dimanfaatkan, bermakna kita telah mensia-siakan anugerah sumber perniagaan yang ada.

*Sumber: Internet :usahawan.com*

*Petikan di atas menerangkan Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Namun, sektor pertanian kurang diminati oleh golongan muda. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis rencana bagi menarik minat generasi muda menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya pilihan.*

*Tajuk rencana tersebut ialah "Usaha-usaha Menarik Minat Generasi Muda Memilih Bidang Pertanian Sebagai Kerjaya Pilihan".*
*Tuliskan rencana itu selengkapnya*.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

# 1103/2

# BAHASA MELAYU

# KERTAS 2

**1103/2 : KERTAS 2**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
**[35 markah]**

**SOALAN 1: MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **tiga kata adjektif**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Keadaan iklim semula jadi yang panas sepanjang tahun mempengaruhi perkembangan industri pelancongan di negara kita. Iklim seperti ini amat digemari oleh pelancong asing khususnya pelancong dari negara-negara barat seperti negara Eropah dan Amerika Syarikat. Kepelbagaian bentuk muka bumi yang menarik seperti kawasan rekreasi di tanah tinggi dan hutan semula jadi iaitu hutan hujan Khatulistiwa yang berusia lebih dua juta tahun menjadi tumpuan para pengkaji tempatan dan luar negara. Di samping itu, pantai-pantai yang masih putih dan bersih serta tidak tercemar merupakan aset penting dalam industri pelancongan.

*Dipetik dan diubah suai daripada*
'Malaysia Tumpuan Pelancong'
*Oleh Sofea Suhaimi,*
*Dewan Siswa, Oktober 2015*

[ 6 Markah ]

**SOALAN 2 :SINTAKSIS**

*Baca petikan di bawah dengan telitinya. Tulis pola ayat sama ada* **Frasa Nama + Frasa Nama**, **Frasa Nama + Frasa Kerja**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif** *atau* **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama** *bagi setiap ayat yang bergaris.*

(1) Banyak pihak yang tidak menyedari potensi industri desa untuk maju. (2) Industri ini ialah industri yang mampu meningkatkan ekonomi negara. Industri desa ini dapat dimajukan jika setiap pihak memainkan peranan untuk mengusahakannya, (3) Untuk memajukan industri desa pihak kerajaan seharusnya memberikan sokongan dari segi bantuan kewangan. (4) Industri desa sangat penting untuk meningkatkan pendapatan penduduk dari luar bandar. Oleh itu, (5) pihak yang bertanggungjawab harus ke kawasan luar bandar untuk memberikan penerangan kepada penduduk. (6) Penduduk dari kawasan luar bandar pula seharusnya mengiktiraf industri desa sebagai industri yang mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

*(Dipetik dan diubahsuaikan daripada*
"Kepentingan Pernbangunan Industri Desa"
*oleh Thearm A/L Ramanatahan,*
*Dewan Siswa Bil 1, 2019)*

[ 6 Markah ]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Dalam petikan 1 terdapat* **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 tedapat **lima kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Petikan 1**

Berkembang sains dan teknologi merujuk pada perubahan dalam penghasilan peralatan canggih yang memudahkan kehidupan manusia. Prodak seperti kereta, komputer, televisyen, dan telefon bimbit menjadi bukti perkembangan sains dan teknologi tersebut. Sesungguhnya, maju dalam bidang ini mendatangkan banyak kebaikan kepada manusia.

Faedah yang paling ketara terhasil menerusi sains dan teknologi telah memudahkan urusan manusia di pejabat. Pengenalan sistem atas talian memudahkan jabatan kerajaan dan swasta berkomunikasi di antara satu sama lain. Impaknya, teknologi ini menjimatkan penggunaan besi kerana urusan surat-menyurat diganti dengan komunikasi menerusi alam maya.

[ 6 Markah ]

**Petikan 2**

**Minggu Sains Negara**

Minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di kalangan murid perlu diberikan perhatian sirius. Perkara ini penting bagi memastikan negara mempunyai modal insan yang pengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan negara menjelang 2050. Mana kala pelibatan semua orang seperti guru, murid, ibubapa, pertubuhan bukan kerajaan dan industri diyakini dapat meningkatkan kesedaran dan minat terhadap kepentingan sains, teknologi dan inovasi (STI).

[ 5 Markah ]

## SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* ***bahasa Melayu Standard*** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Laksaman pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

*(Dipetik dari Prosa Tradisional*
Kepimpinan Melalui Teladan
*dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul)*

[ 6 Markah ]

## SOALAN 5: PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian nyatakan* **tiga peribahasa** *yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Gejala sosial dalam kalangan remaja begitu membimbangkan. Walaupun telah diberi teguran dan dinasihati oleh keluarga, guru serta masyarakat, namun pelbagai masalah sosial terus berlaku. Segelintir remaja terbabit telah ditangkap dan dihantar ke pusat serenti atau pusat pemulihan akhlak. Golongan ini memang menyusahkan masyarakat yang cinta akan kedamaian. Walaupun begitu, ibu bapa dan keluarga mereka tetap tidak berputus asa, malahan terus berusaha untuk memastikan masalah ini dapat diatasi.

[ 6 Markah ]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**
**[35 markah]**

**Soalan 6: Petikan Umum**

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Menurut Yunus Pipet (1993) "orang Melayu rata-rata ialah petani yang ***menerokai hutan*** dan mencari tanah baru, pada suatu masa dahulu, sebagai tempat mencari rezeki. Setelah penat membanting tulang mereka juga ingin berehat serta bergembira tanpa membazirkan waktu dan harta. Dari sinilah mereka memikirkan cara menggunakan bahan terbuang yang sedia ada di sekeliling mereka dengan sebaik mungkin. Oleh sebab pada masa itu alat permainan sukar diperoleh di pasaran, lalu mereka berusaha mencipta peralatan itu sendiri. Berbekalkan daya kreatif, kesungguhan dan idea, mereka mencipta gasing sebagai alat hiburan daripada saki baki kayu yang ditebang oleh mereka atau lebihan membuat rumah. Penciptaan gasing tergolong dalam seni tampak. Gasing boleh dikategorikan dalam penghasilan yang kreatif

*Sumber : Internet*
http://bmpengurusan.blogspot.com/2010/08/permainan-tradisional-malaysia.html

**Bahan 2**

Nama lain bagi wau ialah layang-layang. Perkataan "wau" ini dikatakan berasal dari perkataan Thailand memandangkan negeri seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah menggunakan perkataan tersebut. Sejak berkurun lagi permainan wau sangat rapat dengan masyarakat Kelantan. Wau ini juga telah diangkat untuk dijadikan sebagai salah satu tradisi negeri Kelantan. Antara wau yang terkenal ialah Wau Bulan, Wau Kekek, Wau Puyuh, Wau Kebayak dan Jala Budi. Wau Kelantan ini sangat terkenal dengan kehalusan seni ciptaannya dan turut dianggap unik oleh sesetengah masyarakat luar. Wau-wau ini biasanya akan diterbangkan di udara sebagai permainan pada waktu lapang. Negeri-negeri lain di pantai barat dan Semenanjung Malaysia menggunakan perkataan layang-layang berbanding wau. Selain itu, kemunculan nama wau juga dikaitkan dengan bunyi yang terhasil daripada busur yang diikat pada wau. Apabila dinaikkan ke udara, daun ibus yang dipasang pada busur tersebut akan menghasilkan bunyi "wau', "wau', "wau' secara berirama.

*Sumber : Internet*
http://bmpengurusan.blogspot.com/2010/08/permainan
tradisional-malaysia.html

(i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *menerokai hutan*. [ 2 Markah ]

(ii) Merujuk kepada Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan persamaan dan perbezaan wau dan gasing sebagai permainan tradisonal.

[ 3 Markah ]

(iii) Generasi muda pada hari ini tidak meminati permainan wau dan gasing disebabkan oleh beberapa faktor.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor tersebut? [ 3 Markah ]

(iv) Permainan tradisional melambangkan khazanah budaya kita yang tidak ternilai. Oleh itu, kita perlu mengekalkan permainan tersebut supaya tidak luput ditelan zaman.

Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempopularkan permainan tradisional.

[ 4 Markah ]

**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Meskipun bapa sudah tidak lagi menjadi kaki burung ketitir, bapa sudah agak tua dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Bapa hanya berada di rumah makan dan tidur saja. Sikit-sikit boleh juga jaga cucu dan picit-picit tubuh ibu, tetapi bapa sebenarnya *sudah dimakan tua* waktu itu.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh, cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hodoh itu, dia mengambil tempatku.

Dipetik daripada Cerpen *Ibu dan Ceper*
Antologi *Harga Remaja*, Hlm 106
Dewan Bahasa dan Pustaka

**Bahan 2**

**Erti Hidup Bererti**

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang
menjengukku
keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung
balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

*Suara Anak Pahang,* 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sudah dimakan tua*.
[ 2 Markah ]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan-persamaan yang terdapat dalam bahan tersebut.
[ 4 Markah ]

(iii) Ibu bapa merupakan insan yang banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa ?
[ 3 Markah ]

(iv) Ketika anda berjalan bersama-sama keluarga di kota, anda terlihat seorang warga emas yang hidup sebagai gelandangan. Anda berasa sedih akan keadaan warga emas tersebut.

Sebagai warga yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk mengatasi masalah ini.
[ 4 Markah ]

**SOALAN 8: NOVEL**

*Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Saleha, bagaimana dengan kesihatan? Baik? Baguslah. Jika kesihatan engkau sudah pulih, pulanglah. Kita berkumpul anak- beranak. Kasihan Anggerik, waktu-waktu sedang membesar, dia memang memerlukan perhatian ibunya. Hanya engkau yang mampu. Aku meskipun boleh, tetapi tidak sama dengan kasih sayang yang engkau berikan.

Pulang? Ya! Kecuali Abu Bakar, malam ini kita makan bersama-sama. Kita memang tiada apa-apa yang hendak dibanggakan tetapi keriangan anak-anak penawar kesusahan yang kita tanggung.

Apa, engkau masih sakit? Bersabarlah. Sehari dua lagi, baiklah. Dengarlah nasihat doktor. Jika suruh makan ubat, makan. Jangan membantah. Abang tahu engkau tidak suka akan benda-benda pahit tetapi kali ini, suka atau tidak telan sahaja. Yang pahit itu mujarab. Suruh makan, makan. Jangan membantah.

Dipetik daripada Novel *Songket Berbenang Emas*
Karya Khairuddin Ayip
*Kementerian Pendidikan Malaysia*

(i) Nyatakan harapan 'Si Suami' kepada isterinya.

[ 4 Markah ]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Di sebalik Dinara, karya Dayang Nor
(b) Silir Daksina karya Nizar Parman

*Berdasarkan* **sebuah novel** *yang anda pelajari, jelaskan* **dua** *konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam novel tersebut.*

[ 6 Markah ]

## BAHAGIAN C: RUMUSAN
## [30 markah]

**SOALAN 9: RUMUSAN**

Baca *petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda* sendiri *tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan*

**Bahan 1 - Petikan**

Kegiatan kokurikulum ini bukan sahaja dapat memberikan keseronokan malahan dapat mendatangkan pelbagai kebaikan kepada pelajar yang menyertainya. Kegiatan kokurikulum juga dapat mengembangkan potensi seseorang pelajar. Selain itu, kegiatan kokurikulum juga dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar. Semangat perpaduan ini adalah amat penting dalam mewujudkan negara yang aman dan makmur.

Antara langkah yang perlu dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar untuk mengikutinya ialah pihak sekolah perlulah menjalankan pemantauan terhadap aktiviti kokurikulum dari masa ke masa**.** Tindakan ini perlu dilakukan kerana banyak aktiviti kokurikulum di sekolah dijalankan bagai melepaskan batuk di tangga sahaja. Oleh itu, pihak sekolah mestilah memastikan bahawa aktiviti yang dijalankan mestilah benar – benar mendatangkan manfaat kepada mereka.

Di samping itu, pihak kerajaan haruslah menekankan kepentingan penyertaan kegiatan kokurikulum dalam kalangan pelajar melalui pengenalan sistem pendidikan baharu. Dalam hal ini, sistem pendidikan yang tidak hanya mementingkan akademik perlulah diperkenalkan supaya semua murid ada hati untuk menyertainya. Melalui cara ini, mereka akan memberikan tumpuan yang seimbang dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Sebagai contohnya, penglibatan seseorang pelajar dalam bidang kokurikulum perlulah diambil kira semasa seseorang itu memohon untuk kemasukan ke universiti. Tindakan ini secara langsung akan menyebabkan para pelajar menitikberatkan kegiatan kokurikulum.

*(Dipetik dan diubah suai daripada*
"Kepentingan kegiatan kokurikulum dan langkah bagi menggalakkan pelajar mengikutinya"
https://eseistpm.blogspot.com › 2015)

**Bahan 2 - Grafik**




**KERTAS SOALAN TAMAT**

**1103/2 : KERTAS 2**

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
**[35 markah]**

### SOALAN 1: MORFOLOGI

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **tiga kata ganda.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Dalam merealisasikan potensi yang dimiliki Malaysia daripada keindahan pulau-pulau di Borneo sehingga ke hutan tropika dan syurga beli belah, kerajaan akan menjadikan industri pelancongan sebagai sumber pendapatan baharu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Pengumuman langkah-langkah proaktif ekonomi baru-baru ini telah menyaksikan peruntukan tambahan RM80 juta untuk memperhebat aktiviti promosi pelancongan dalam pasaran terpilih termasuk di negara-negara ASEAN, China dan India.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
'Sektor Pelancongan Beri Sumbangan Ketara Kepada Ekonomi Negara'
*Berita Harian, Oktober 2015*.

[ 6 Markah ]

### SOALAN 2: SINTAKSIS

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan* **ayat bersusunan songsang** *yang bergaris kepada* **ayat bersusunan biasa** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Doktor,
Saya selalu pulang dari tempat kerja pada pukul 11:30 malam. Oleh itu, saya kerap mandi malam. Sahabat saya berkata bahawa mandi malam boleh menyebabkan paru-paru berair. <u>Adakah pendapatnya benar</u>?
Hasnun bin Rizwan,
Alor Setar, Kedah.

Saudara Hasnun,
Paru-paru berair ialah keadaan terdapatnya cecair di dalam paru-paru. <u>Dalam istilah perubatan, keadaan ini disebut sebagai *pleural effusion*.</u> Antara puncanya ialah kegagalan jantung, jangkitan tuberkulosis, atau masalah paru-paru. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa mandai malam akan mengakibatkan paru-paru berair. <u>Jadi, tidak benar pendapat sahabat saudara itu.</u>

*Dipetik dan diubahsuai daripada,*
buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 4*,
*Kementerian Pendidikan Malaysia.*

[ 6 Markah ]

**SOALAN 3: PENYUNTINGAN**

*Dalam petikan 1, terdapat* **enam kesalahan bahasa** manakala petikan 2 terdapat **lima kesalahan bahasa.** *Senaraikan dn betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Petikan 1**

Istilah stres pertama kali digunakan oleh Hans Selye selepas beliau menamatkan latihan perubatan pada tahun 1920 an. Stres berkaitan kerja merupakan keadaan yang berlaku bila permintaan pekerjaan melebihi keupayaan seseorang pekerja dalam menanganinya. Hal tersebut bukan sahaja akan mempengaruhi kesihatan mental pekerja malah turut sama menjatuhkan prodaktiviti sesebuah syarikat. Punca stres berkaitan kerja boleh dikategorikan melalui keupayaan individu dan faktor organisasi. Akibat dari stres juga akan mempengaruhkan kesihatan seseorang individu dan juga organisasi.

*Dipetik dan diubahsuai daripada,*
"Stres Berkaitan Kerja",
*Oleh Dr Ahmad Fairuz Mohammed,*
*Majalah pendidik 2018.*

[ 6 Markah ]

**Petikan 2**

Perlombongan bauksit yang digunakan sebagai kompenen utama pembuatan batu bata dilihat membawa berbagai masalah di ibu negeri Pahang, Kuantan. Penduduk di bandaraya berkenaan mendakwakan keadaan persekitaran yang dahulunya bersih kini dipenuhi habuk manakala jalan raya dipenuhi patikel berwarna merah.

*Sumber : Internet*

[ 5 Markah ]

**SOALAN 4. BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik Maka Kertala Sani pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala San itu terlalu gemuruh bahananya. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu.

*Dipetik daripada,*
*"Kepimpinan Melalui Teladan",*
*dalam Antolog Jaket Kulit Klang dari Istanbul,*
*Kementerian Pendidikan Malaysia.*

[ 6 Markah ]

**SOALAN 5: PERIBAHASA**

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian kemukakan* **tiga peribahasa** *yang menggambarkan tiga situasi berbeza yang terdapat dalam petikan tersebut.*

Perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat menjadi tonggak kegemilangan negara Malaysia. Rakyat yang hidup saling membantu antara satu sama lain akan memudahkan pencapaian hasrat tersebut. Lagipun mereka mempunyai kesedaran bahawa pada masa ini sikap mementingkan diri akan menyukarkan usaha kerajaan untuk menyatukapadukan rakyat. Sekiranya wujud pertelingkahan maka tiada sesiapa pun yang untung. Sebaliknya, mereka akan kehilangan segal-galanya.

[ 6 Markah ]

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
## [35 markah]

### SOALAN 6: PETIKAN UMUM

*Baca* **Bahan 1** dan **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Pernahkah sekali-sekala anda berasa otak lebih lembab dan sukar untuk berfikir? Pernahkah anda mengalami *keadaan yang merimaskan*, terutamanya apabila sukar memberikan tumpuan terhadap kerja ataupun pelajaran? Kajian menunjukkan bahawa masalah sukar menumpukan perhatian dan kelembapan otak ini ada kaitannya dengan faktor tidur.

Setiap orang memerlukan masa tidur yang berbeza mengikut umur, tahap kesihatan dan aktiviti hariannya. Misalnya, golongan remaja memerlukan tidur antara enam hingga lapan jam sehari. Tidur yang paling berkualiti adalah dengan tidur pada waktu malam. Tidur amat penting bagi melancarkan proses metabolisme karbohidrat di dalam badan. Melalui proses ini, badan seseorang mengeluarkan hormon pertumbuhan yang berfungsi untuk membaiki sel-sel yang rosak. Kajian mendapati bahawa tidur yang cukup mampu meningkatkan keupayaan untuk belajar dan membantu dalam memelihara daya ingatan seseorang.

(*Dipetik dan diubah suai daripada*,
'Tidur dari Segi Saintifik',
*Dewan Kosmik*, Februari 2018)

**Bahan 2**

Mereka yang sering tidur lewat seperti murid yang mengulang kaji pelajaran sehingga lewat malam akan menyebabkan proses penyimpanan maklumat terganggu. Kurang tidur juga mengakibatkan tumpuan seseorang dalam membuat keputusan dan perancangan terjejas. Menurut kajian, kebanyakan kemalangan yang berlaku di tempat kerja dan di jalan raya ada kaitannya dengan tumpuan yang terganggu akibat faktor kurang tidur.

Kajian juga menunjukkan bahawa tidur secara rutin selama tiga puluh minit pada waktu tengah hari dapat mengurangkan risiko sakit jantung. Walau bagaimanapun, seseorang tidak digalakkan tidur selepas matahari terbit dan pada waktu lewat petang. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut pakar, tidur pada waktu-waktu tersebut boleh menjejaskan kesihatan. Tidur yang cukup pada waktu yang sesuai merupakan komponen penting bagi mendapatkan kesihatan yang baik

(*Dipetik dan diubah suai daripada*,
'Kurang Tidur Tambah Masalah',
*Utusan Malaysia*, Februari 2017)

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *keadaan yang merimaskan.*

[ 2 Markah ]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **perbezaan** antara kebaikan tidur yang cukup dengan keburukan kurang tidur.

[ 3 Markah ]

(iii) Masalah sukar tidur sering terjadi kepada seseorang.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang wajar dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut?

[ 3 Markah ]

(iv) Kumpulan anda ditugaskan oleh guru untuk membuat pembentangan tentang punca-punca yang menyebabkan seseorang menghadapi masalah sukar tidur.
Jelaskan punca-punca masalah tersebut.

[ 4 Markah ]

**SOALAN 7: PETIKAN SASTERA**

*Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**BAHAN 1**

**Pantun Sukan**

Kain cindai bawa berjalan,
Buat mengibas nyamuk dan agas,
Rajin dan tabah dalam bersukan,
Minda cerdas jasmani cergas.

Harum sungguh bunga kemboja,
Disusun dara dari Mandilin,
Sukan membentuk semangat waja,
Sentiasa ceria cergas berdisiplin.

Berkhasiat sungguh air halia,
Dimasak dengan air telaga,
Beriadah bersukan amalan mulia,
Badan sihat tentu bertenaga.

Burung undan burung tempua,
Hinggap berehat di pohon kayu,
Sukan amalan untuk semua,
Rakyat sihat negara maju.

Sayang Singapura sungainya jernih,
Tempat laluan sampan dan kolek,
Segar jasmani jiwa bersih,
Aktiviti sukan amalan yang baik.

*Dipetik daripada,*
http://sukansekolahskkst.blogspot.com,
/2012/11/pantun-sukan.html?m=1.

**BAHAN 2**

Permainan kumpulan A menjadi tumpuan para penonton. Zikri vs Abin. “Zikri, nampaknya kita memang ditakdirkan untuk menjadi ***musuh***.” Senyum Abin apabila melihat lawannya di hadapan.

“Aku harap kita dapat bermain dengan baik,” kata Zikri.

Abin hanya mengukirkan senyuman. Senyuman yang penuh dengan maksud tersirat. Tenang. Kedua-dua pemain kelihatan tenang. Masing-masing tidak terganggu dengan persekitaran. Penonton pula yang berdebar-debar menanti perlawanan ini.

Perlawanan pun bermula. Servis dimulai dengan Zikri. Servis dihantar. Abin membalas. Mudah. Masing-masing membalas. Tiada tekanan yang diberikan oleh kedua-dua belah pihak. Hanya memberi bola mudah.

“Baiklah!” Zikri mula mengorak langkah. Bola yang dibalas Abin memberi peluang kepadanya untuk memperolehi mata. Bola menuju ke arah meja lawan secara lurus.

Shuishhh… Sejurus sahaja bola tersebut mengenai meja lawan, bola tersebut tidak memantul. Bergolek-golek di meja Abin.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
https://syamilsynz.wordpress.com
/2012/12/02/ping-pong-team-episode-10/

(i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud ***musuh***. [ 2 Markah ]

(ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan ciri-ciri seorang ahli sukan yang berjaya.
[ 3 Markah ]

(iii) Kegiatan sukan secara individu mahupun berkumpulan semakin popular dalam kalangan masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan melibatkan diri dalam sukan?
[ 4 Markah ]

(iv) Anda telah menyaksikan satu perlawanan bola sepak di Stadium Bukit Jalil. Pasukan bola sepak Malaysia telah mengalami kekalahan dengan perbezaan jaringan gol yang besar.

Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah Malaysia dapat meningkatkan mutu sukan bola sepak agar dapat bersaing hingga ke peringkat antarabangsa?

[ 4 Markah ]

**SOALAN 8: NOVEL**

*Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Apa yang penting, kita tidak berputus asa. Budak-budak muda ini, kadang-kadang kita perlu ikut rentak mereka juga. Kita dampingi mereka selalu dan buat macam kawan. Alhamdulillah, nampaknya dah ada yang mula tunjuk minat. Malam ni pun, ramai juga yang datang," kataku.

Penduduk kampung yang datang pada malam itu beransur-ansur pulang. Beberapa orang anak muda kampungku pula sedang sibuk menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya. Beberapa orang ahli jawatankuasa pergerakan wanita juga kelihatan sibuk mengemas pentas dan pasu-pasu bunga. Sampah-sampah yang terdapat di persekitaran balai raya juga turut dikutip dan dimasukkan ke dalam plastik hitam.

Dipetik daripada
novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Nyatakan tindakan yang dapat dilakukan untuk menggalakkan generasi muda berminat dengan zapin.

[ 4 Markah ]

*(ii) Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
(b) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa menarik yang terdapat dalam novel tersebut.

[ 6 Markah ]

## BAHAGIAN C: RUMUSAN
## [30 markah]

### SOALAN 9: RUMUSAN

*Baca petikan dan teliti sajak yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1: Petikan**

Pada masa ini, penggunaan laman sosial melalui Internet amat popular di Malaysia. Laman sesawang rangkaian sosial tersebut telah menjadi satu trend dalam kehidupan masyarakat kini. Remaja kini telah menjadikan penggunaan laman sosial di internet sebagai medium untuk mengisi kekosongan waktu mereka. Hal ini disebabkan oleh aplikasi yang terdapat di laman sosial yang canggih dapat menarik perhatian masyarakat di Malaysia.

Penggunaan laman sosial dapat menambah kenalan yang baharu di samping hubungan yang telah lama terputus dapat dieratkan semula. Laman sosial ini digunakan sebagai suatu medium utama untuk mencari kenalan lama yang telah terputus. Mereka akan mengetahui kerjaya rakan dan berinterasi antara satu sama lain. Selain itu, ramai remaja juga dapat membuat bisnes dan membuat promosi melalui laman sesawang sosial. Secara tidak langsung mereka juga dapat menambahkan pendapatan bulanan mereka.

Seterusnya, media sosial dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat. Sebagai contoh, dengan kecanggihan laman sosial, kad kahwin boleh diletakkan di sana dan dimaklumkan kepada rakan-rakan. Permintaan bantuan cemas juga dapat disebarkan. Di samping itu, dapat berkongsikan maklumat dan ilmu. Sebagai contoh, laman sosial dapat menggantikan televisyen untuk mengetahui berita terkini. Malah perbicaraan mahkamah diketahui dengan serta merta melalui twitter dan laman web tertentu.

Namun begitu, penggunaan laman sosial menyebabkan berlakunya banyak penipuan atau pemalsuan. Hal ini demikian kerana, terdapat banyak kes penipuan yang berlaku terutamanya dalam kalangan remaja perempuan. Mereka biasanya akan mengikut semua kemahuan yang diminta oleh rakan dalam laman sosial tersebut. Selain itu, penggunaan laman sosial menyebabkan golongan remaja menjadi lalai dalam melakukan sesuatu tugasan sehingga menyebabkan mereka mengabaikan pelajaran kerana tiada masa yang diperuntukkan untuk mengulang kaji pelajaran. Menulis status peribadi yang kurang wajar mungkin mencetuskan perbalahan sesama pengguna media sosial. Apatah lagi jika status peribadi itu menular dan menjadi bahan kutukan dan kejian masyarakat. Pengguna akan mengalami stres yang berpanjangan akibat tindakan memuat naik status yang boleh dijadikan bahan fitnah.

Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap laman sesawang sosial yang tidak bertanggungjawab. Sebagai manusia yang berakal pastinya kita perlu menangkis setiap perkara yang buruk. Pepatah ada mengatakan bahawa “mencegah itu lebih baik daripada mengubati”.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
‘Media sosial dan remaja’,
*Sumber internet, Februari 2020*.

**Bahan 2: Sajak**

**Di Media Sosial**

Di media sosial
banyak berita aneh
banyak khabar pelik
menggemparkan suasana damai
melingkari maya menerobos realiti
bercampur antara kepalsuan
beberapa minit lebih pantas
tersebar merata luas
lava emosi melimpah tak tertahan
ditular kepada kenalan
jauh dan dekat
mencetus cemas menimbul gundah
terhasil kacau merebak cepat.

Mengapa tidak sebagai insan
merenung dan berfikir
menyaring setiap kisah
datangnya silih berganti
manusia bukan robot
mengikut menerima tanpa soal
sehingga telefon lebih pintar
daripada manusia.

**MUHAMAD HISHAM LEE**
*Majalah Pendidik, Oktober 2017*

**SET 3: SIBU**

**1103/2 : KERTAS 2**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
**[35 Markah]**

**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **dua akronim** *dan* **dua penjodoh bilangan.** *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Perkhidmatan awam ialah jentera penting dalam pengurusan sebuah kerajaan yang berfungsi menggerakkan khidmat pemerintah demi kepentingan rakyat. Bagi mengekalkan keberkesanannya, maka kakitangan awam akan mengikuti kursus perkhidmatan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Apabila setiap kakitangan awam faham akan tanggungjawab masing-masing maka tidak sukar bagi kerajaan untuk menyalurkan pelbagai bantuan kepada rakyat. Oleh sebab itu, perkhidmatan awam menjadi jenama yang dihormati dan disegani oleh rakyat negara ini. Setiap penjawat awam hendaklah berazam agar mereka dipandang sebagai sebutir permata hasil kecemerlangan perkhidmatan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada,
"Kakitangan Awam Perlu Tingkatkan Kecekapan"
*Berita Harian,* 31 Jun 2018.

[ 8 Markah ]

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

*Berdasarkan petikan di bawah,kenal pasti dan tulis* **subjek dan predikat** *yang lengkap bagi tiga ayat yang bergaris seperti berikut* :

Subjek : ________________________________________________
Predikat : ________________________________________________

<u>Sejak Januari 2017, Kerajaan Negeri Selangor menguatkuasakan kempen menghapuskan penggunaan beg plastik di semua premis perniagaan negeri itu. Kempen Bebas Plastik dimulakan beberapa bulan sebelum itu dengan hebahan rasmi secara menyeluruh</u>. Pengambilan langkah ini adalah untuk mendidik masyarakat agar memelihara alam sekitar dengan tidak menggunakan plastik sepanjang masa. Keburukan penggunaan plastik sudah banyak dibuktikan, antaranya mengakibatkan kanser. Jika plastik dibakar, udara yang beracun akan dibebaskan seterusnya boleh mengancam kesihatan manusia. <u>Oleh itu, pengguna perlu membawa sendiri beg kain atau seumpamanya untuk mengisi barangan yang dibeli</u>.

[ 6 Markah ]

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

*Petikan di bawah mengandungi* **9 kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 9 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Pelajar-pelajar dari golongan miskin dan berpendapatan rendah dikenalpasti sebagai kelompok utama yang mudah terjebak dalam gejala gengstarisme, buli, peras ugut, dan salahlaku di sekolah. Kajian yang dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah, kementerian pendidikan, Datuk Adam Ramli ini turut mendapat anak-anak golongan kaya jarang terbabit di dalam masalah disiplin seumpama itu kerana masalah ponteng dan menagih dadah.

Untuk mengawal masalah ini, beberapa langkah-langkah perlu dilakukan, antaranya ialah disiplin di sekolah hendaklah diperhebat. Misalnya setiap penjenayah yang terlihat diberikan surat aduan, kaunseling, gantung persekolahan dan akhir sekali dibuang dari sekolah.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
*"Buli dan Langkah Menangani",*
*oleh Juni Jon Ajinoor,*
*Harian Metro, Disember 2019*.

[ 9 Markah ]

**SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Ketala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, "Teririk bangkai pula aku ini!". Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya. Maka Laksamana pun berkata, "Ceh, mati engkau olehku!"

(*Dipetik daripada* "Kepimpinan Melalui Teladan"
*Dalam Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,*
*Kementerian Pendidikan Malaysia*)

[ 6 Markah ]

**SOALAN 5: PERIBAHASA**

*Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan* **tiga peribahasa***, kemudian* **berikan maksud** *peribahasa tersebut.*

Rasuah merujuk pada perbuatan memberikan kepada seseorang dengan wang atau barangan dengan tujuan untuk mempergunakan kuasa untuk menyelesaikan sesuatu tugas secara tidak amanah. Kurangnya pemantauan dan sikap bekerja sambil lewa merupakan punca yang dikenalpasti sebagai punca gejala rasuah semakin berleluasa. Oleh itu, semua pihak perlu memberi kerjasama untuk melahirkan sebuah negara yang bebas daripada masalah rasuah agar negara boleh terus maju dan standing dengan negara maju yang lain.

[ 6 Markah ]

**SOALAN 6 – PETIKAN UMUM**

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Antara usaha untuk mengatasi pencemaran alam sekitar ialah peranan pihak sekolah melalui Pendidikan alam sekitar. Pendidikan ini mula diperkenalkan secara formal pada peringkat rendah dalam pelajaran Alam dan Manusia. Pada peringkat menengah khususnya dalam pelajaran Sains seperti Biologi dan pada peringkat pengajian tinggi melalui kursus Sains Alam Sekitar dan Biologi Persekitaran. Pertandingan kelas terbersih antara kelas juga perlu dijalankan agar perasaan tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam diri pelajar dapat disemai.

Penggunaan teknologi moden untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar adalah amat penting. Penggunaan teknologi moden dapat mengawal dan mengurangkan pencemaran dengan lebih efisien dan efektif. Sebagai contoh, dengan menggunakan teknologi moden kita dapat menjalankan aktiviti kitar semula bahan-bahan buangan dan sisa-sisa pepejal seperti surat khabar, majalah lama, kain, dan bahan-bahan plastik. Hal ini sudah tentu akan dapat mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh pengurusan sisa pepejal yang tidak sempurna.

**Bahan 2**

| |
|---|
| Penggunaan bahan kimia yang tidak terkawal akan mendatangkan pencemaran. Hal ini jelas akan mendatangkan impak dalam jangka masa yang panjang kepada alam sekitar. Perkara yang dimaksudkan ialah penggunaan racun serangga dan pendingin hawa merupakan salah satu kesan yang paling ketara dan serius. Akibatnya, penipisan lapisan ozon dan air bawah tanah oleh kluorofluorokarbon (CFC) amat bahaya kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, pihak kerajaan dan pihak swasta perlu memastikan penggunaan bahan kimia dikurangkan supaya dapat menjaga alam sekitar yang dicipta oleh Tuhan.<br>Walau bagaimanapun, prakarsa yang diusahakan ini tidak bermakna jika masih wujud sebilangan kecil masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, jika dilihat pada hari ini, berapakah kilang-kilang yang telah dibina oleh kerajaan mematuhi piawaian kebersihan yang telah ditetapkan? Jangkaannya, pelepasan asap kilang dan pembuangan sisa toksik ke dalam sungai mahupun laut secara terbuka. Implikasi daripada tindakan ini, penguatkuasaan undang-undang harus diketatkan lagi oleh pihak berkuasa supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.<br>[Sumber: Internet] |

i. Berdasarkan Bahan 1, nyatakan maksud efisien dan efektif. [ 2 Markah ]

ii. Berdasarkan semua bahan, senaraikan cara yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

[ 3 Markah ]

iii. Walaupun sektor perindustrian menjadi sektor penting untuk menjana ekonomi negara Malaysia, hakikatnya banyak isu pencemaran alam sekitar yang berlaku pada hari ini adalah disebabkan galakan sektor perindustrian. Pada pendapat anda, apakah implikasi yang akan berlaku sekiranya pencemaran alam sekitar berterusan?

[ 3 Markah ]

iv. Usaha memberi pendedahan awal tentang penjagaan alam sekitar perlu dilakukan sejak akar umbi.

Jelaskan peranan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan pendedahan awal ini terlaksana.

[ 4 Markah ]

## SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

*Baca bahan-bahan dibawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**Sajak Keindahan Yang Hilang**
Shamsuddin Jaafar

I

Sayup-sayup undan tua *berlagu hiba*
terbang beriring di rembang petang
renik-renik mengirai bulu carik
melayang satu-satu berbaur debu
lesu berapungan di air lalu.
Daun-daun menghijau alangkah segar
kemilau danau disinar mentari
kali tenang betapa lembut mengalir ke muara
kedamaian melingkar rimba
lalu tumpah kasih nan jernih
erat bertaut cinta kasih.
Malam hiba dadanya ungu luka
pungguk tersedu pilu di atas batu
bulan tiada lagi mendandan wajah
bintang malam pudar sinarnya.

II

Orang bicara bulan bintang di makmal
pada buku, data dan komputer
lalu bulan dan cakerawala bisa diteroka
bisa kembara di planet dan angkasa.
Undan patah sayap gugur bulunya bertaburan
Suara siapa parau mendera di malam lara
Kali tenang tiba-tiba airnya bengis melanda
Kepada siapa anak-anak kota desa berhutang nyawa?

III

Bulan kini bukan menara kasih jernih
bintang-bintang bukan lagi saksi sumpah kekasih

Shamsuddin Jaafar
Keindahan yang Hilang,
*Dewan Bahasa dan Pustaka.*

**Bahan 2**

Itulah detik-detik yang tidak dapat aku lupakan. Aku menyesal dan memohon ampun banyak-banyak daripada ibu. Aku sendiri tidak sedar sewaktu aku menjerit itu.

Barang kali niatku bukan kutujukan kepada ibu, tetapi kepada orang lain. Dan siapa orang lain itu tidak pula dapat aku pastikan. Kalau tidak kepada ibu, kepada siapa lagi kalau bukan kepada diri sendiri.

Hal itu menusuk masuk ke dalam diriku hinggalah ibu meninggal. Ibu meninggal dengan aman damai. Tidak sedikit pun menempuh kerumitan. Malam itu kami sudah pun berkumpul kerana ibu mulai memandang langit. Isteriku membaca *Yasin*. Aku duduk di sisi ibu sambil berbisik ke telinganya tidak putus-putus agar ibu jangan lupakan Allah.

Ceper masih keruh airnya, tetapi masih sedikit-sedikit boleh mengalir meskipun langkahnya lambat kalau dibandingkan dengan waktu ibu rancak melompat ke sana dan berlari ke sini dulu. Waktu itu Ceper bukan main lagi cergasnya bagaikan hendak bertanding dengan kecergasan ibu sendiri.

Tetapi semenjak ibu lumpuh dan kemudian ibu mati, Ceper langsung tidak berbusa dan berombak lagi. Tebing-tebingnya pun tidak ditendang lagi. Lubuk-lubuknya pun tidak dikorek lagi, kerana Ceper mulai kenyang sangat-sangat dengan serbaneka serdak yang bersisa.

(Dipetik daripada cerpen '*Ibu dan Ceper'*
*dalam Antologi Harga Remaja,*

i. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *berlagu hiba*. [ 2 Markah ]

ii. Berdasarkan kedua-dua bahan, nyatakan kesan-kesan pencemaran alam sekitar.
[ 3 Markah ]

iii. Sungai merupakan nadi kehidupan.
Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat memelihara dan memulihara sungai di negara kita?
[ 3 Markah ]

**SOALAN 8: NOVEL**

*Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri*.

> “Shida, apa yang terjadi?” Aqram pula memegang dahinya, cuba menembusi WALL untuk membaca minda tetapi gagal.
> Dengan bersusah payah, berselang-seli dengan esak tangis, Shida mula bercerita.
> “Aku…aku…duduk di dalam penjara. Ramai banduan belasah aku. Mereka panggil aku pembunuh.” Mata Shida meliar ketika memaksa setiap kata keluar dari kerongkongnya.
> Jangan takut Shida, itu cuma mimpi.” Dr. Maxi cuba mengurangkan resahnya.
> “Aku berada di dalam dewan pembedahan. Ada budak lelaki mati di atas meja. Aku bunuh dia! Shida tersedu-sedu.
> “Mungkin kamu keliru Shida. Itu semua mimpi, bukan nyata.” Aqram pula cuba memujuk.
> “Aku juga pukul seorang wanita sampai cacat, hampir mati. Kemudian aku beri dia kehidupan baharu.”
>
> *Dipetik daripada,*
> “Di Sebalik Dinara”
> *Karya Dayang Noor,*
> *Kementerian Pendidikan Malaysia.*

(i) *Apakah yang dilakukan oleh Shida yang dikatakan hanya bermimpi oleh Dr. Maxi dan Aqram?*

[ 4 Markah ]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
e) Songket Bebenang Emas, karya Khairuddin Ayip
f) Tirani, karya Beb Sabariah
g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

*Huraikan* **dua peristiwa** *yang anda anggap menarik terdapat* dalam **sebuah novel** *yang anda pelajari.*
*Berikan alasan anda.*

[ 6 Markah ]

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah ]

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1 – Petikan**

Makanan diperlukan untuk manusia bekerja dan melaksanakan kehidupan harian mereka. Amalan pemakanan yang betul akan dapat menentukan kesihatan seseorang. Selain itu, makanan membekalkan nutrien penting untuk keperluan pembesaran dan pertumbuhan seseorang. Oleh itu, kita perlu memakan makanan yang berkhasiat dan bernutrisi.

Sesetengah individu menggunakan diet yang tidak sesuai dan tidak seimbang sehingga mereka mengalami malnutrisi. Kadang-kadang kita akan makan apa-apa sahaja ketika menghadap hidangan sehingga perut kenyang. Sepatutnya kita perlu berhenti makan sebelum kenyang. Dalam pada itu, terdapat sesetengah individu gagal mengawal pemakanan kerana banyak restoran yang menjual pelbagai jenis makanan yang menarik dan sedap . Restoran segera bagai cendawan tumbuh selepas hujan menjadi tempat berhubung dengan rakan malah ajakan rakan untuk makan tidak mengira waktu sukar untuk ditolak. Selain itu, pelbagai iklan di media juga menimbulkan keinginan mencuba resipi yang baharu turut menjadi punca seseorang gagal mengawal pemakanan.

Seterusnya, kita hendaklah merancang pengambilan makanan sebelum makan. Sekiranya kita berhasrat untuk makan malam dengan hidangan yang berat seperti stik dan kentang, kita perlu mengurangkan atau mengelakkan daripada mengambil makanan berdaging dan berkanji pada waktu makan yang lain dan begitulah sebaliknya. Ketika waktu tengah hari pula, kita hendaklah makan dalam jumlah yang lebih tetapi berkhasiat. Tengah hari ialah waktu makan yang paling penting kerana sistem penghadaman kita telah bersedia sepenuhnya. Kita juga digalakkan memakan makanan berwarna pelangi. Sayuran hijau,oren,anggur,kubis,ungu,lada benggala dan pelbagai warna sayuran serta buah-buahan akan memberikan tubuh badan pelbagai nutrien yang akan membantu melawan penyakit.

Kita juga digalakkan meminum segelas air suam 20 minit sebelum makan. Cara ini mampu mengurangkan jumlah makanan yang diambil serta membantu sistem penghadaman. Kita juga seharusnya mengunyah makan secara perlahan-lahan. Air liur terdapat enzim yang dapat membantu menguraikan makanan dengan baik. Seterusnya kita perlu mengelakkan daripada makan sebelum tidur. Kebiasaannya kita makan sebelum pukul 6.00 petang. Jika makan pada waktu malam,perut gagal mencerna sepenuhnya makanan tersebut ketika kita tidur menyebabkan tubuh menjadi obesiti. Malah kita perlu menetapkan pola waktu makan yang

seragam.Waktu makan yang tidak tetap akan menyebabkan kita cenderung untuk makan dalam kuantiti yang banyak.

*Dipetik dan diubah suai daripada.*
"Keselamatan Pemakanan: Apakah Makanan Anda Selamat untuk Dimakan",
*oleh Hayati Adilin MAM,*
*Dewan Siswa,Mei 2018*

**Bahan 2 : Grafik**




**KETRAS SOALAN TAMAT**

**1103/2 : KERTAS 2** **SET 3: SIBU**

**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
**[ 35 Markah ]**

**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan* **4 kata terbitan apitan***. Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Memilih bidang pengajian yang betul perlu diambil serius, dan bukannya dipandang ringan. Pemilihan bidang pengajian yang sesuai dari sekolah menengah hingga universiti penting bagi memungkinkan pelajar merencanakan masa depan. Jika tersalah rancang, terutama dalam pemilihan aliran yang ingin diikuti tentu akan mendatangkan kesan jangka panjang dan sepanjang hayat.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
*Dilema Memilih Bidang Pengajian?,*
*Oleh Jeniri Amir. Dewan Siswa, Bil 2/202*0.

[ 8 Markah ]

**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

*Baca petikan di bawah ini, cerakinkan ayat yang bergaris kepada* **enam ayat tunggal** *tanpa mengubah maksud asal petikan.*

<u>Banyak kajian menunjukkan bahawa bersenam mampu menjadikan kehidupan yang lebih baik dan boleh memanjangkan umur.</u> Dari sudut sains, sekiranya anda lebih cergas dan kerap bersenam, anda akan hidup lebih lama berbanding dengan mereka yang malas bersenam. <u>Mereka yang tidak aktif mudah mendapat penyakit seperti kencing manis dan penyakit jantung.</u> Pada tahun 2025, diramalkan sebanyak 31 peratus rakyat di negara ini akan menghidap penyakit diabetes. <u>Kajian menunjukkan bahawa rakyat di negara ini kurang bersenam dan bersukan.</u>

( Dipetik dan diubah suai daripada rencana
"*Kekal Muda pada Usia Tua*"
Oleh Hamidah Zabidi,
Dewan Masyarakat, Julai 2019)

[ 6 Markah ]

**SOALAN 3 : PENYUNTINGAN**

*Dalam petikan 1, terdapat* **lima kesalahan bahasa** *manakala petikan 2 terdapat* **enam kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

**Petikan 1**

Penyakit Tibi atau Tuberkulosis mampu dijangkiti seseorang tanpa mengira bangsa dan kedudukan geografinya. Oleh hal yang demikian, keturunan bukanlah faktur pemangkin seorang itu dijangkiti Tibi walaupun terdapat anggota-anggota keluarga yang pernah dijangkiti Tibi sebelum ini. Tibi juga tidak boleh berjangkit melalui makanan dan minuman. Anggota keluarga lain turut tidak akan dijangkiti Tibi jika penyakit Tibi telah menerima jagaan lebih dari dua minggu di hospital.

*Dipetik dan diubah suai daripada,*
Ancaman Penyakit Tibi,
*Oleh Zulafiqar Mohd Yusof,*
*Dewan Siswa, bil. 12/2018*

[ 5 Markah ]

**Petikan 2**

| | |
|---|---|
|  | **RESEPI NASI DAGING UTARA**<br>3 sudu minyak sapi<br>3 biji bawang merah bermayang<br>1 inci halia<br>sehelai daun pandan<br>sedikit kepalan daging yang telah empuk<br>1 kilo gram daging<br>kayu kulit manis<br>2 biji tomato<br>1 sudu besar kerisek<br>10 biji cilli besar<br>2 cawan air asam jawa<br>sedikit belacan<br>1 paket kecil rempah karma |

[ 6 Markah ]

**SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam* **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

> Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati. Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar.
>
> *(Dipetik daripada "*Burung Terbang Dipipiskan Lada*",*
> *Dalam Antologi Sejadah Rindu,*
> *Kementerian Pendidikan Malaysia,*
> *muka surat 27)*

[ 6 Markah ]

**SOALAN 5 : PERIBAHASA**

*Baca senarai peribahasa di bawah dengan teliti, kemudian pilih* **dua peribahasa** *yang anda faham maksudnya lalu bina ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut. Ayat yang anda bina haruslah jelas menyatakan maksud peribahasa tersebut.*

(i) Seumpama telur sesarang, dierami induknya.
(ii) Mengembangkan ketiak hamis
(iii) Mencabik mudah, menjahit susah
(iv) Kerbau pembulang tali
(v) Lebih baik seekor harimau di padang yang luas, daripada seekor ular di dalam rumput.
(vi) Digantungkan tinggi, digalikan dalam

[ 4 Markah ]

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
## [35 Markah]

**SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

*Baca* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Teknologi membawa perubahan kepada gaya hidup pengguna sekaligus tentang produk yang diperlukan oleh mereka. Teknologi internet juga telah menyuburkan kelahiran banyak perniagaan baharu. Namun perniagaan bentuk baharu ini sebenarnya menawarkan pelantar untuk individu memperoleh pendapatan tambahan serta terjun ke dunia keusahawanan tanpa banyak halangan.

Dengan hanya memiliki kereta anda kini boleh *menjanakan pendapatan* tambahan melalui Uber dan Grab tanpa perlu menubuhkan Syarikat sendiri dengan berbekalkan sebuah bilik di rumah anda kini boleh menawarkan perkhidmatan penginapan melalui Air BNB kepada pelawat dari seluruh dunia. Perkembangan ini memang menarik kerana mencipta peluang baharu namun menjadi ketakutan bagi sesetengah komuniti perniagaan yang mahu terus melihatnya sebagai ancaman.

Dipetik dan diubah suai daripada
*'Perniagaan Baharu Ancaman'*
Oleh Zulnaidi Yaacob,
*Dewan Ekonomi Bil. 5 2018*
Dewan Bahasa danPustaka.

**Bahan 2**

Kebaikan perniagaan E-dagang perlu dilihat daripada dua sudut, iaitu sudut perniagaan dan sudut pengguna. Antara kebaikan daripada sudut perniagaan adalah kos yang rendah bagi melakukan sesuatu penjualan. Pengedaran melalui Internet dikatakan cukup berhasil kerana menghubungkan pengguna akhir (*end-users*) dengan secara langsung. Hal ini mengurangkan peranan perantara secara tradisional, iaitu agen dan pengedar dalam pemasaran antarabangsa. Kebaikan yang diperoleh boleh dilihat dengan jelas, iaitu dapat mengurangkan kos yang tidak diperlukan oleh pengeluar untuk memasarkan produk dan hasilnya, harga yang sampai kepada pengguna jauh lebih murah berbanding dengan harga melalui perantara. Melalui E-dagang pengguna dan peniaga dapat menghapuskan atau mengurangkan kos sewaan Gudang atau premis perniagaan, insurans, sewaan perkhidmatan kawalan, serta lain-lain kos yang berkaitan dengan kos penyimpanan dalam transaksi pemindahan barangan atau perkhidmatan.

*Dipetik dan diubah suai daripada*
'E-Dagang Lubuk Emas Usahawan'
*oleh Mudiana Mokhsin @ Misron,*
*Dewan Ekonomi Bil. 11 2020*
*Dewan Bahasa dan Pustaka*

(i). Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjanakan pendapatan.*
[ 2 Markah ]

(ii). Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faedah-faedah perniagaan dan perkhidmatan atas talian kepada peniaga.
[ 3 Markah ]

(iii). Walaupun perniagaan atas talian semakin mendapat perhatian masyarakat kita, namun masih wujud sebilangan masyarakat yang kurang mahir menggunakan platform ini untuk memasarkan produk perniagaan mereka.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku? [ 3 Markah ]

(iv). Anda telah menghasilkan produk kraftangan yang mempunyai potensi untuk dipasarkan di pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Namun, berdasarkan situasi semasa, anda tidak dapat melakukan promosi perniagaan anda secara bersemuka.

Sebagai usahawan muda yang ingin menyebarluaskan kelebihan produk anda, apakah langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mempromosikan produk anda tanpa perlu keluar dari premis perniagaan anda?
[ 4 Markah ]

**SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA**

*Baca* **bahan 1, bahan 2** dan **bahan 3** *yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

**DI DADA MEREKA ADA KHALID**

Mereka tak pernah mengimpikan puja sanjung
dan nama menggunung
di dada mereka ada khalid di tangan mereka pedang keberanian
di hati mereka berkubu keyakinan
seorang mati seribu lagi bingkas
mengipas bara perjuangan.

Perjuangan suci tak pernah tunduk
pada igau kematian
mati hanya mampu menumpaskan pengecut
hidup hanya bererti buat yang berani
biar seribu tahun
perjuangan luhur jalannya berlumpur.

Di dada mereka ada khalid
singa garang di padang juang
setiap hari akan mereka nantikan
musuh pulang mengusung walang
musuh walang mengusung keranda teman

*Shahrunizam Abdul Talib,*
Antologi Anak Global,
*Kementerian Pendidikan Malaysia.*

**Bahan 2**

**Bangkitlah**

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan perut belantara menjadi ladang.

Anak-anak
esok apa yang akan kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah awan!

*Rejab F.I.*
Antologi Dirgahayu Bahasaku
*Kementerian Pendidikan Malaysia.*

**Bahan 3**

"Ahmad Mutawakkil balik tengah malam tadi. Katanya, Hiroshima dan Nagasaki kena bom. Jepun akan menyerah kalah tak lama lagi."

Walaupun cerita itu laksana mimpi yang kabur dan sukar ditafsirkan, kami tetap berasa lega dan menyembahkan syukur.

Misai terunanya tak ubah macam bulu roma, tetapi perawakannya *sangat mengesankan*. Pada suatu hari, pada tahun 1946, selesai mengaminkan solat isyak, dia mengengsot merapati Imam Ngah Deraman, bersalaman sambil berbisik.

Imam Ngah Deraman berbisik pula kepada Penghulu Ibrahim Sigap. Sebaik-baik saja kedua-duanya menganggukkan kepala, Ahmad Mutawakkil tersenyum lalu berdiri.

"Alhamdulillah ... berkat pimpinan Datuk Onn, perhimpunan pemimpin kita yang diadakan di Johor pada 4 Mei yang lalu telah berjaya menubuhkan PEKEMBAR. Inggeris sudah membatalkan Malayan Union."

*Cinta Ahmad Mutawakkil*
*Antologi Sejadah Rindu*
*Kementerian Pendididkan Malaysia*

**Soalan**

(i) Berikan maksud *sangat mengesankan dalam* **bahan 3** *.* [ 2 Markah ]

(ii) Berdasarkan **semua bahan** jelaskan mengapa kita harus menghargai jasa pahlawan yang berjasa kepada negara.

[ 3 Markah ]

(iii) Pada tanggal 31 Ogos setiap tahun hari kemerdekaan akan disambut oleh seluruh rakyat malaysia. Sebagai seorang murid teangkan apakah aktiviti-aktiviti menarik yang boleh diadakan bagi menyemerakkan lagi hari tersebut di sekolah anda.

[ 4 Markah ]

(iv) Pada suatu hari selepas tamat sesi persekolahan anda bersama beberapa orang rakan anda sedang menunggu bas untuk balik ke rumah. Semasa anda sibuk berbual-bual dengan rakan anda, anda ternampak beberapa orang murid yang tidak mengendahkan teguran seorang pengawal keselamatan sekolah agar mematuhi peraturan sekolah.

Apakah pendekatan yang akan anda gunakan untuk memastikan murid-murid tersebut dapat mematuhi peraturan sekolah dan menerima teguran pengawal keselamatan tersebut.

[ 4 Markah ]

**SOALAN 8: PEMAHAMAN NOVEL**

(i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri*.

“Memang kaedah rawatan tradisional bagus, tapi sudah tiba masanya kita beralih kepada sesuatu yang lebih moden yang menjimatkan masa dan kos. Makanan tambahan pun boleh membantu menyembuhkan penyakit,” kata Danel.

Datuk hanya menganggkuk mendengar penjelasan pemuda itu.

“Ayah saya terikat dengan pantang larang ketika proses rawatan tradisional ini. Hal ini mengganggu saya dan adik-beradik saya yang lain. Dia perlu mencari akar-akar kayu dan daun, kemudian mengisar, menumbuk, merebus, dan memotong bahan-bahan itu. Perkara ini membahayakan keselamatan ayah saya. Sedangkan dalam pasaran kini terdapat banyak makanan tambahan yang bukan sekadar melengkapkan sistem diet kita tapi juga mampu membantu merawat penyakit kronik. Saya bukan doktor, bukan juga pakar macam pakcik tpi saya ingin memudahkan ayah kami.”

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan*
karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Mengapakah kaedah rawatan tradisional sudah tidak relevan untuk diamalkan?

[ 4 Markah ]

*(ii) Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :*

(a) Leftenan Adnan Wira bangsa, karya Abdul Latip Talib

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

(e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

(f) Tirani, karya Beb Sabariah

(g) Silir Daksina, karya Nizar Parman

(h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Dalam setiap novel terdapat peristiwa yang memberikan pedoman kepada pembaca.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang boleh dijadikan sebagai pedoman hidup.

[ 6 Markah ]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**
**[ 30 Markah ]**

**SOALAN 9**

**Bahan 1 – Petikan**

*Baca petikan dan teliti infografik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu* ***rumusan*** *yang panjangnya* ***tidak melebihi 120 patah perkataan****. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu daripada kegiatan ekonomi negara yang penting. Oleh sebab itu, Malaysia perlu mengambil lebih banyak inisiatif bagi merancakkan lagi pertumbuhan industri ini selain memberi tumpuan kepada pembangunan industri berat. Perkembangan IKS amat penting dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Pembangunan IKS mempunyai kepentingan yang amat luas bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai negara perindustrian yang dinamik.

Selain menyediakan keperluan dalam negara, IKS juga boleh menumpukan usahanya dalam mengeksport pelbagai jenis barangan industri. Orientasi kepada penggantian import dapat mengurangkan pengaliran wang ke negara lain. Malaysia mengimport pelbagai jenis barang industri dari luar negara termasuk alat ganti kenderaan, bahan makanan, alat-alat elektronik dan alat-alat pertanian. Alat-alat industri boleh dibuat sendiri dengan menggunakan bahan-bahan tempatan sekiranya IKS dapat dibangunkan. Di samping itu, IKS juga dapat membantu kerajaan mengukuhkan sektor perindustrian negara. Dalam jangka masa panjang IKS boleh berkembang dan beransur-ansur menjadi industri berat yang boleh menyumbang ke arah usaha menjadikan Malaysia sebuah negara industri.

Dengan perkembangan ekonomi yang pesat kerajaan berusaha meningkatkan lagi IKS agar mampu bersaing dengan industri lain. Ekoran itu, kerajaan telah memperkenalkan Program Satu Daerah Satu Industri untuk mempelbagai produk IKS di Malaysia. Kerajaan juga telah merangka Pelan Induk Pembangunan Industri yang melibatkan pembangunan pelbagai bentuk dan jenis industri agar setanding dengan negara-negara maju. Melalui Pelan Induk Pembangunan Industri ini, diharap hasrat Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian akan dapat direalisasikan.

*(Dipetik dan diubah suai daripada*
'Peranan Industri Kecil dan Sederhana
dalam Pembangunan Negara'
*oleh Mohd Asri bin Mohammad,*
*Dewan Ekonnomi, April 2010)*

**Bahan 2 : Grafik**




**KERTAS SOALAN TAMAT**

# SKEMA JAWAPAN KERTAS 1103/1 DAN KERTAS 1103/2 BAHASA MELAYU KERTAS 1 DAN 2

**SKEMA JAWAPAN KERTAS 1**
**Bahagian A**
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 45 minit]

**<u>Skema jawapan Bahagian A</u>**

1. Calon dikehendaki menghurai sebab kebersihan diri itu penting dan cara mengekalkan kesihatan diri.
2. Sekiranya calon hanya memfokus satu aspek sahaja, maksimum memuaskan
3. Huraian hendaklah antara **150-200 patah perkataan sahaja.** Sekiranya kurang daripada 150 patah perkataan, impression menurun. Maksimum kurang memuaskan. Jika jumlah perkataan melebihi 200 patah perkataan, markah hanya diberikan sehingga perkataan ke-200. (kemungkinan akan wujud ayat tidak lengkap)
4. Cadangan isi : sebab – tidak mudah dijangkiti penyakit .
   Cara – pemilihan makanan yang sihat – kerap membersihkan badan

**BAHAGIAN B**
[70 markah]
(1 jam 30 minit)

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

**SOALAN 1**
**<u>Kehendak tugasan</u>**

1. Calon dapat menghurai Cara-cara mempromosikan arkeopelancongan negara kita.

2. Sekiranya calon menghurai cara-cara mempromosikan arkeopelancongan di luar negara, maksimum baik

3. Sekiranya calon menghurai cara-cara mempromosikan pelancongan di negara kita, maksimum memuaskan

4. Cadangan isi :

   1. penekanan arkeopelancongan sebagai agenda utama dalam kempen pelancongan
   2. Meningkatkan prasarana di tapak pelancongan arkeologi
   3. Memelihara dan memulihara tapak arkeologi yang ada dalam negara
   4. Mana-mana isi yang relevan, boleh diterima

**SOALAN 2**

**Kehendak soalan**

1. Calon dikehendaki menghurai sokongan dan dorongan yang boleh diberikan oleh keluarga untuk kecemerlangan anak-anak dalam bidang pendidikan
2. Setiap sokongan dan dorongan mesti diikuti kesan iaitu kecemerlangan anak-anak dalam bidang Pendidikan
3. Cadangan isi
   - i) Ibu bapa hendaklah menyediakan tempat belajar yang kondusif
   - ii) ibu bapa juga patut mengawal pergaulan dan tingkah laku mereka dengan segera dan menjejaki tempat mereka pergi
   - iii) ibu bapa haruslah menyediakan kemudahan yang lengkap untuk anak-anak belajar.
   - iv) Kakak/abang sentiasa menasihati antara satu sama lain tentang kepentingan belajar

**SOALAN 3**

**Kehendak tugasan:**

1. Calon dikehendaki untuk menulis sepucuk surat kepada Tuan Pengetua sekolah dengan menyatakan pandangan
2. Karangan berformat. Jika calon menulis seperti karangan biasa, maksimum memuaskan. Jika tertinggal salah satu format, semak seperti biasa, impression turun.
3. Mesti menggunakan kata ganti nama 'saya'. Yang lain tidak diterima. Impression turun
4. Cadangan isi:
   - i) Menyediakan kemudahan sukan kepada murid-murid
   - ii) Mengenal pasti murid yang berpotensi dalam bidang sukan
   - iii) Mengadakan aktiviti  dan pertandingan sukan di sekolah
   - iv) Mewajibkan murid menyokong dasar satu murid satu sukan

**SOALAN 4**

**Kehendak tugasan**

1. calon dikehendaki untuk menghuraikan langkah-langkah yang harus diambil untuk mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya terutamanya dalam kalangan **penunggang motosikal**.
2. Penekanan kepada penunggang motosikal.
3. Calon dikehendaki untuk menyatakan faktor kemalangan jalan raya sering berlaku sebelum menyatakan langkah mengatasi.
4. Sekiranya calon menyatakan langkah mengurangkan jumlah kemalangan secara umum, maksimum baik.
5. Jika melibatkan kenderaan lain, maksimum baik
6. Cadangan isi:

i) Sentiasa memeriksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan
ii) Mematuhi peraturan jalan raya
iii) Mengamalkan sikap berhati-hati semasa di jalan raya
iv) Tidak menunggan dalam keadaan mabuk

**SET 2**

**Peraturan Pemarkahan**

BAHAGIAN A

Berikut merupakan hasil temu bual setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) iaitu adik Azreen bt Mat Isa dengan Doktor Kamal Syukri seorang doktor pakar bedah di Hospital Umum Sibu berkaitan dengan pendermaan darah.
Azreen : Selamat pagi tuan doktor? Saya Azreen bt Mat Isa, setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) SMK Permai Jaya. Saya ingin bertanya tuan doktor tentang tahap pendermaan darah dalam kalangan masyarakat Malaysia kini.

Doktor Kamal : Selamat pagi adik Azreen. Tahap pendermaan darah rakyat Malaysia masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan keperluan bekalan darah yang semakin meruncing sekarang. Pada bulan Mac 2020, kutipan darah mencatatkan penurunan sebanyak 40 % berbanding bulan yang sama pada tahun 2019.

Azreen : Keadaan ini amat kritikal. Apakah kriteria seseorang yang boleh menderma darah?

Doktor Kamal : Antara kriterianya, seseorang individu itu hendaklah berumur antara 18 hingga 60 tahun dan tidak menghidap darah tinggi, diabetes atau penyakit berjangkit.

Azreen : Siapakah yang boleh diselamatkan dengan pendermaan darah ini tuan doktor?

Doktor Kamal : Golongan yang boleh diselamatkan dengan pendermaan darah ini termasuklah pesakit Thalasemia, mangsa kemalangan, pesakit kanser, ibu yang melahirkan dan bayi yang tidak cukup bulan.

Azreen : Apakah harapan doktor terhadap kempen pendermaan darah ini?

Doktor Kamal : Saya berharap kempen derma darah ini perlulah diperluas ke seluruh pelosok Malaysia dan kerap diadakan supaya kutipan darah meningkat.

Azreen : Terima kasih atas temu bual yang cukup berinformasi ini.

Doktor Kamal : Sama-sama.

(199 patah perkataan)

**Bahagian B:**

**Soalan 1**

**Langkah-langkah untuk menangani penularan penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat di negara kita.**

Cadangan isi

1. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mendidik anak-anak agar sentiasa mengamalkan kebersihan diri- meluntur buluh, biarlah dari rebungnya
2. Peranan masyarakat – aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman dan persekitaran secara berkala -bagai aur dengan tebing
3. Peranan pihak swasta – seperti NGO dan pihak media massa –menjadi penaja aktiviti kemasyarakatan yang berasaskan pembasmian penyakit. Media massa sentiasa melaporkan perkembangan terkini tentang isu kesihatan di negara kita. Menayangkan dokumentasi atau diskusi perbincangan tentang isu kesihatan dan penyakit berjangkit - cegah sebelum parah, sediakan payung sebelum hujan
4. Usaha kerajaan – pelbagai program untuk menyedarkan rakyat – bantuan rawatan percuma kepada rakyat yang kurang mampu, program vaksinasi - rakyat sihat negara sejahtera

**Soalan 2**

**Faedah-faedah apabila sistem bekerja dari rumah mula diamalkan.**

Cadangan isi

1. Membantu kerajaan dari aspek kesihatan
2. Majikan dapat berjimat cermat
3. Meredakan tekanan dalam kehidupan ketika musibah COVID-19
4. Merapatkan kembali hubungan kekeluargaan
5. Mengurangkan bilangan orang di tempat bekerja
6. Mengurangkan kesesakan jalan raya
7. Menyekat penularan COVID-19

**Soalan 3**

**Langkah-langkah memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar di sekolah.**

Cadangan isi

1. Aktiviti di kelas
2. Melalui aktiviti kokurikulum
3. Aktiviti bergotong royong antara warga sekolah
4. Guru-guru menerapkan kepentingan perpaduan dalam kalangan murid

**Soalan 4**

**Peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah.**

**CADANGAN ISI**

1. mengehadkan penggunaan media sosial dengan menetapkan kadar penggunaan Internet dalam tempoh tertentu.
2. mendidik anak-anak tentang pembahagian waktu yang seimbang untuk menelaah pelajaran dan melayari media sosial
3. memantau anak-anak ketika menggunakan media sosial.
4. Mana-mana isi yang sesuai diterima

**Cadangan karangan lengkap**

Pada era teknologi digital kini, rakyat Malaysia yang ketagihan media sosial amat ketara sehingga membimbangkan pelbagai pihak. Media sosial yang paling diminati ialah *facebook* diikuti oleh *twitter*, *YouTube* dan *Instagram*. Keghairahan terhadap media sosial akan menimbulkan implikasi negatif kepada pengguna Internet. Namun, mendepani situasi Covid-19, media sosial telah dimanfaatkan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Peranan ibu bapa sangat penting untuk mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak yang masih bersekolah.

Umum mengetahui bahawa peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah ialah ibu bapa harus **mengehadkan penggunaan media sosial dengan menetapkan kadar penggunaan Internet dalam tempoh tertentu**. Hal ini demikian kerana anak-anak akan melayari media sosial tanpa henti apabila mereka tertarik oleh elemen yang terdapat dalam media tersebut. Mereka akan mengalami ketagihan media sosial jika tidak dipantau oleh orang dewasa. Anak-anak hendaklah diasuh oleh ibu bapa sejak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya terutama dari segi disiplin diri ketika melayari media sosial. Misalnya, anak-anak hendaklah dididik menggunakan Internet mengikut keperluan dan secara berhemah seperti melayari Internet untuk mendapatkan bahan pembelajaran dan berbincang dengan rakan-rakan tentang projek berkumpulan. Media sosial akan disalahgunakan sekiranya tidak dikawal oleh ibu bapa memandangkan jiwa anak-anak adalah sangat mudah menerima pengaruh yang negatif.

Peranan ibu bapa mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah ialah ibu bapa hendaklah **mendidik anak-anak tentang pembahagian waktu yang seimbang untuk menelaah pelajaran dan melayari media sosial**. Usaha sedemikian akan mendidik anak-anak supaya bijak membahagikan masa untuk belajar dan menggunakan telefon pintar bagi tujuan hiburan. Sebagai contoh, anak-anak akan menghargai masa kerana masa itu emas lantas tidak membazir waktu sesuka hati. Peranan ibu bapa amat signifikan kerana ibu bapa berfungsi sebagai suri teladan ketika menggunakan telefon pintar secara

berhemah di hadapan anak-anak dengan menitikberatkan kepentingan masa dalam kehidupan. Dalam hal ini, ibu bapa juga membahagikan masa untuk menemani anak-anak belajar dan melayari media sosial pada waktu lapang ketika berehat kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Oleh sebab itu, peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak tentang kepentingan menghargai masa adalah amat relevan.

Ibu bapa memainkan peranan untuk mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah dengan **memantau anak-anak ketika menggunakan media sosial**. Hal ini ekoran generasi teknologi maklumat kini amat bijak mengakses laman sesawang. Ibu bapa hendaklah sentiasa berdamping dengan anak-anak kerana hendak seribu daya tak hendak seribu dalih supaya mereka pandai memilih laman sesawang yang bermanfaat untuk diri. Anak-anak amat mudah terpengaruh oleh permainan video yang sangat menarik perhatian mereka sehingga mengabaikan pelajaran dan bersengkang mata pada waktu malam. Impaknya, anak-anak tidak dapat memberikan fokus terhadap pelajaran di sekolah. Hal ini pasti membawa kemudaratan terhadap pelajaran dan kesihatan anak-anak. Oleh sebab itu, ibu bapa berperanan memantau anak-anak ketika melayari media sosial supaya matlamat media sosial untuk kebaikan akan tercapai.

Tuntasnya, peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan media sosial bagi anak-anak yang masih bersekolah harus dititikberatkan agar penyalahgunaan media tersebut tidak berlaku. Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah mengelakkan minda anak-anak daripada dijajah oleh perkembangan teknologi yang tidak baik kerana sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Dengan demikian, anak-anak yang masih bersekolah akan membesar dalam dunia digital yang sihat kerana penggunaan media sosial telah dimanfaatkan secara beretika.

(502 patah perkataan)

## SET 3
## Peraturan Pemarkahan

**Bahagian A:**
**Isu pengangguran di Malaysia**.

Cadangan isi
**Isi utama: Punca wujudnya pengangguran**
1. Kurangnya kerjasama antara pihak IPT dengan pemain industri tempatan
2. Tiada keseimbangan antara keperluan industri dan graduan universiti
3. Kadar gaji yang rendah
4. Sikap memilih kerja
5. Majikan lebih suka menggaji pekerja asing kerana kos yang lebih murah

**Isi utama yang kemungkinan dijawab oleh calon: langkah mengatasi:**
1. Mewujudkan kerjasama erat antara pihak IPT dan pemain industri tempatan agar graduan lepasan IPT dapat diterima bekerja.
2. IPT menawarkan kursus atau latihan yang bersesuaian serta memberi peluang pekerjaan yang lebih luas
3. Majikan dan pemain industri perlu mengambil kira kemahiran dan tahap kelulusan graduan supaya gaji yang ditawarkan adalah setaraf dengan kemahiran atau tahap kelulusan mereka.
4. Membuang sikap ego dan memilih pekerjaan.
5. Memberi peluang yang lebih luas kepada penduduk tempatan berbanding pekerja asing.

Nota:-
Peribahasa yang boleh digunakan:
- berjagung-jagung dahulu, sementara menunggu padi masak
- hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- berdiri di atas kaki sendiri

## Bahagian B

### Soalan 1

**Cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh para belia menjelang alaf baru ini**

Cadangan Isi lengkap dengan huraian:
**1. Cabaran teknologi maklumat**
Teknologi maklumat menjadi satu cabaran yang amat ketara kerana pelbagai bentuk maklumat kini dapat diperoleh dengan amat mudah. Memang banyak kebaikan seperti menambahkan pengetahuan dan maklumat awam. Semua ini timbul kerana adanya sumber maklumat yang terlalu canggih seperti sistem satelit, internet, telefon bergerak, aplikasi sistem maklumat tanpa wayar dan sebagainya. Hal ini memberi kesan amat ketara dalam hubungan antara individu, kenegaraan, hubungan sosial, kewangan dan industri serta sebagainya. Mungkin akan timbul keraguan dari segi ketepatan dan kesahihan maklumat yang disebarkan. Begitu juga dengan penipuan yang sudah pun wujud melalui sistem internet dan keruntuhan moral dan sosial masyarakat akibat penyalahgunaan sistem yang sama.

**2. Cabaran pemikiran dan budaya**
Pemikiran dan pandangan beberapa individu dan sesetengah negara terutamanya negara maju yang lebih bersifat menjajah dan menakluk menjadi lebih dominan dalam alaf ini. Contohnya pemikiran globalisasi, pembelaan alam sekitar dan isu hak asasi manusia yang lebih subjektif sifatnya sehingga menimbulkan persengketaan dan perang mulut. Namun, masalah penerimaan dalam keterpaksaan terus berlaku kerana kesan ancaman politik dan ekonomi serta ketenteraan yang akan timbul kelak. Sementara pengaruh budaya lebih bersifat menjajah ekoran kebebasan dan pengaruh media dan teknologi maklumat.

**3. Cabaran mental dan emosi**
Cabaran ini adalah terlalu subjektif. Tetapi, dalam apa juga tamadun dan kehidupan manusia, individu yang merasakan dirinya kekurangan, tidak mampu dan kurang upaya atau ketinggalan daripada individu dan masyarakat lain akan menerima tekanan mental dan emosi yang lebih hebat lagi. Seterusnya, tekanan mental dan emosi akan menjadi lebih ketara lagi apabila sesebuah tamadun manusia itu semakin maju dalam pelbagai aspek kehidupan. Ini dapat dilihat dari status gejala sosial, seperti kes rompakan, peras ugut, pembunuhan dan bunuh diri penyalahgunaan dadah dan alkohol serta (penyakit mental), dan lain-lain.

**4. Cabaran moral dan sosial**
Daripada penilaian sejarah tamadun manusia, daya tahan moral dan sosial manusia akan menjadi semakin pudar dengan bertambah majunya kehidupan mereka. Budaya keselesaan (complacency), individualistik dan materialistik lebih menguasai kehidupan mereka. Tahap kebergantungan kepada pemahaman moral dan keagamaan terus lusuh dan longgar. Ini dapat dibuktikan berikutan timbulnya beberapa gejala yang sememangnya dilarang keras oleh ajaran agama seperti perzinaan dan bersekedudukan, pembunuhan, arak dan alkohol, perjudian serta sebagainya.

**Soalan 2**
**Kepentingan-kepentingan Sains dan Teknologi kepada golongan pelajar pada masa ini.**

Cadangan isi

1. **pelajar mudah memperoleh maklumat**
   - maklumat di hujung jari-pelajar mudah mendapatkan maklumat
   - mencari fakta-fakta bagi melengkapkan tugasan
   - pelajar dapat menyiapkan tugasan dalam tempoh masa yang lebih pantas
   - hasil tugasan pelajar lebih berkualiti
   - aplikasi Google, Internet, media sosial dan sebagainya.

2. **Pelajar mudah berkomunikasi**
   - pandemik yang melanda dunia kini - pertemuan bersemuka agak sukar dilaksanakan.
   -pembelajaran secara atas talian -penggunaan akaun DELIMA
   -telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya, peranti penting untuk mengadakan pertemuan secara maya

-pelajar dapat berhubung antara satu sama lain tanpa mengira masa dan jarak
-aplikasi *Whatsapp* membolehkan pelajar menghantar mesej atau panggilan video kepada guru atau rakan-rakan - mengadakan perbincangan

3. **Meningkatkan minat belajar dalam kalangan pelajar**
   -Sains dan Tekonolgi memberi impak yang positif terhadap pembelajaran murid kerana pembelajaran secara interaktif mampu menarik minat mereka
   -penggunaan aplikasi *Google meet* dan G*oogle classroom* meningkatkan kemahiran pelajar dalam ICT
   -kesannya pelajar lebih kreatif dan inovatif

**Soalan 3**

**Kehendak soalan : Murid dapat mengemukakan sekurang-kurangnya 3 isi berkaitan langkah-langkah yang harus dilakukan untuk menarik minat golongan muda dalam menceburi bidang pertanian.**

Cadangan Isi:

**Isi 1- mengubah persepsi remaja tentang pertanian**
Pertanian mampu memberikan pendapatan lumayan
Memberi contoh usahawan yang berjaya
Memberi ceramah
Mengadakan kempen kelebihan pertanian
Di mana ada kemahuan di situ ada jalan
Sasaran pendapatan RM5000 sebulan

**Isi 2 – Kerajaan menawarkan peluang pekerjaan yang luas dalam bidang pertanian**
Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
Gaji yang lumayan ditawarkan
Graduan Universiti Putra Malaysia dalam bidang pertanian semakin maju
Usahawan korporat mengambil banyak pekerja
Pekerja mahir mendapat lebih insentif
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memainkan peranan penting mempopularkan bidang ini.

**Isi 3 – Menubuhkan kelab atau subjek pertanian di sekolah**
Tak kenal maka tak cinta
Menawarkan subjek Sains Pertanian di sekolah teknik
Sekolah menubuhkan kelab pertanian
Guru melatih murid bercucuk tanam melalui subjek RBT
Mengadakan aktiviti melawat kawasan pertanian
Serampang dua mata untuk menambah kemahiran.

**Isi 4 – Ibu bapa melatih anak-anak sejak kecil tentang ilmu pertanian**
Melentur buluh biarlah dari rebungnya

Mendidik anak bercucuk tanam
Didik anak suka bertani
Mewujudkan taman mini di rumah
Membawa anak-anak ke dusun
Didik anak-anak kenal pada tumbuhan dan pokok

**Soalan 4**

**Manfaat-manfaat pembudayaan keusahawanan kepada diri murid-murid**

Cadangan isi

1. pelajar mampu menjadi lebih cekap dan berkemahiran apabila membuka perniagaan sendiri suatu hari nanti.
   - Seseorang yang mempunyai sesuatu ilmu sejak kecil lagi akan dapat melatih dirinya menjadi lebih cekap dan berkemahiran apabila menginjak ke alam dewasa
   - Contohnya, di sekolah, seseorang pelajar yang mengambil subjek seperti Prinsip Akaun, Perdagangan atau menjadi ahli koperasi sekolah akan dibimbing dengan ilmu keusahawanan dalam diri mereka.
   - Kesannya, seseorang pelajar yang mempunyai ilmu keusahawanan sejak bangku sekolah ini akan lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan atau membuka perniagaan sendiri apabila ada modal.

2. mampu berdikari tanpa mengharapkan pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan swasta.
   - Ketika dunia menghadapi pandemik Covid-19, ramai dalam kalangan masyarakat dibuang kerja malah pihak kerajaan turut terpaksa mengurangkan pengambilan pekerja. Peluang pelajar lepasan sekolah atau graduan mendapatkan pekerjaan sangat tipis ketika dunia masih dibelenggu oleh pandemik ini.
   - Oleh itu, pelajar atau graduan yang pernah melibatkan diri dalam Program Usahawan Muda (PUM) seharusnya mengambil peluang untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan kerana mereka telah didedahkan dengan pengalaman sebenar dalam menguruskan perniagaan.
   - Impaknya, mereka akan lebih bersedia untuk bekerja sendiri berbanding dengan hanya mengharapkan peluang pekerjaan yang diberikan oleh pihak kerajaan mahupun swasta.

3. mampu membantu kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu
   - Seseorang pelajar yang mempunyai ilmu keusahawanan akan mampu membantu kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dengan adanya ilmu keusahawanan yang diperoleh oleh mereka sejak bangku sekolah, mereka mampu membina perniagaan sendiri dan sudah pasti perniagaan yang dibina itu akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain juga.
   - Misalnya, sesebuah perniagaan memerlukan pekerja untuk membantu dalam menjalankan urusan perniagaan. Jika ramai lepasan sekolah atau universiti membuka perniagaan sendiri, maka dengan ini banyaklah peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan.

- Implikasinya, ilmu keusahawanan yang dipelajari oleh pelajar di sekolah telah membentuk diri mereka menjadi usahawan yang mampu membantu kerajaan meningkatkan taraf hidup masyarakat

# SET 4

## SKEMA JAWAPAN
## BAHAGIAN A

**Cadangan jawapan**

1. kos hidup yang tinggi terutamanya di bandar
2. kenaikan harga barang di pasaran / keadaan ekonomi yang tidak menentu
3. pendapatan rendah
4. trend atau gaya hidup yang suka bermewah-mewah
5. tidak merancang perbelanjaan

## BAHAGIAN B

**Soalan 1**

**Cadangan jawapan**

*Pendahuluan*

- Pengurusan kewangan amat penting kepada seorang usahawan.
- Untuk mengelakkan muflis atau kerugian kepada perniagaan.
- Ramai usahawan yang terjerat dengan masalah muflis/ kewangan.
- Kesannya, usahawan/ peniaga gulung tikar.
- Peribahasa ‘sediakan payung sebelum hujan’ hendaklah diutamakan.
- Langkah-langkah menguruskan kewangan dengan lebih berhemah.

***Cadangan Isi***

*a.* **Merancang kewangan dengan bijak.**

- Sentiasa mengetahui dan mencatat jumlah keluar masuk wang.
- Membelanjakan hasil keuntungan mengikut keperluan.
- Menyimpang wang kontigensi/ kecemasan untuk keperluan masa akan datang.
- Mengelakkan perbelanjaan mengikut nafsu.
- Elakkan berhutang dan tidak membuat keputusan terburu-buru.
- Mengkaji pasaran sebelum melakukan sesuatu pelaburan.
- ‘Sediakan payung sebelum hujan’

b. **Mendapat nasihat daripada pakar pengurusan kewangan**

- Mencari mentor/ pakar rujuk untuk memberi nasihat tentang kewangan.
- Sentiasa mengikut nasihat kewangan yang diberikan oleh pakar.
- Merujuk setiap tindakan yang akan diambil kepada pakar yang berpengalaman.
- Mengkaji/ meneliti strategi pengurusan kewangan yang diamalkan.
- ‘Yang baik dijadikan panduan, yang buruk dijadikan sempadan’

**c. Sentiasa mengamalkan sifat terbuka dan mempelajari ilmu-ilmu pengurusan kewangan.**

- Usahawan muda perlu sentiasa membekalkan diri dengan ilmu pengurusan kewangan mengikut trend semasa.

- Tidak menjadi seperti ‘katak di bawah tempurung’.
- Sentiasa terbuka menerima teguran dan kritikan sekiranya dalam perbelanjaan menghadapi kesukaran dalam menguruskan kewangan.
- Sentiasa memperbaiki diri dalam menguruskan kewangan supaya terhindar daripada muflis.
- Tidak lokek berkongsi ilmu kepada usahawan lain.

***Penutup***

- Usahawan hendaklah bijak dalam menguruskan kewangan.
- Sentiasa mengetahui isu semasa dan mengkaji pasaran semasa agar dapat merancang sebelum melakukan sesuatu tindakan.
- ‘Buang yang keruh ambil yang jernih’
- Sentiasa berusaha untuk memperbaiki pengurusan kewangan agar dapat mengelakkan diri dari sikap boros dan dibelenggu hutang/ beban kewangan yang boleh menyebabkan muflis.

**Soalan 2**

**Cadangan Jawapan**

**TUGASAN** : Calon dapat menulis komen tentang ketidakprihatinan masyarakat terhadap penyakit berjangkit seperti demam denggi dan pandemik COVID-19 menyebabkan berlakunya penularan yang membawa pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.
**Format : Tiada**
**Cadangan isi :**

- Ramai anggota masayarakat bersikap acuh tak acuh mengenai penjagaan kesihatan.
- Penularan penyakit berjangkit seperti demam denggin dan pandemic COVID-19 masih banyak.
- Masyarakat mesti mengubah sikap mengamalkan kebersihan diri secara berterusan.
- Masyarakat mesti bekerjasama memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih dan selesa.
- Masyarakat mengurangkan aktiviti luar kecuali mempunyai urusan penting.
- Semua pihak wajib bekerjasama untuk membentung penularan penyakit dengan segera demi kesejahteraan hidup Bersama

**Soalan 3**

**Cadangan jawapan**

***Pendahuluan***

- Sekolah berperanan penting dalam melahirkan pemimpin yang cemerlang pada masa hadapan.
- Murid-murid dilatih dalam pelbagai aspek agar mampu memiliki kemahiran untuk memimpin.
- Antara kemahiran memimpin yang penting ialah berani berkomunikasi di hadapan khalayak, membuat keputusan dan kemahiran bersosial.
- ‘Kalau tak dipecahkah ruyung manakan dapat sagunya’
- pelbagai langkah yang boleh dilakukan untuk melahirkan pemimpin oleh pihak sekolah.

***Cadangan Isi***

**mengadakan kem kepimpinan**

- Mengadakan kem untuk melatih pemimpin muda dalam kalangan murid.
- Pengisian ke seperti ceramah kepimpinan, latihan berkomunikasi dan aktiviti berkumpulan untuk menyelesaikan masalah.
- Murid dapat menyelesaikan masalah dengan kreatif dan kritis.
- Murid dapat berkomunikasi dengan raka, menyelesaikan masalah secara berkumpulan.
- Murid berpeluang mewujudkan hubungan yang baik dengan rakan yang berbeza latar akhirnya dapat memupuk kemahiran sosial.
- ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’

**mengadakan pelbagai pertandingan untuk mencungkil bakat kepimpinan**

- pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan kokurikulum atau koakademik
- Pertandingan boleh mengasah bakat dalam diri pelajar.
- Pertandingan seperti bahas atau pidato boleh mewujudkan keberanian murid dalam berkomunikasi.
- Pertandingan reka cipta boleh menguji daya pemikiran pelajar.
- Pertandingan sukan berkumpulan boleh menguji semangat berpasukan.
- Nilai-nilai tersebut dapat memupuk kemahiran memimpin pelajar.
- melibatkan semua guru untuk berganding bahu bagi melahirkan pelajar yang berbakat/ berkemahiran dalam kepimpinan.

***Kesimpulan***

- Sekolah memainkan peranan penting dalam melahirkan pemimpin muda yang bakal menerajui masa hadapan negara.
- Kemahiran perlu dilatih sejak di bangku sekolah lagi agar murid dapat mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam kehidupan seharian.
- ‘Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara’

**Soalan 4**

**Cadangan jawapan (Format Rencana)**
**Pendahuluan**
Pertanian tonggak kehidupan manusia-sumber makanan, kewangan dan ekonomi. Slogan ‘Pertanian Adalah Perniagaan’ – pengeluaran hasil pertanian pekebun atau peniaga melebihi keperluan sara hidup diri, malah memberi keuntungan lumayan,

**Cadangan isi**
Isi 1
Strategi kerajaan mempromosikan bidang pertanian –Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diberi peruntukan yang besar untuk membangunkan program pertanian – penggunaan teknologi tinggi, bekalan benih berkualiti, penstabilan harga jualan terus dari ladang,pewujudan pasar ikan rakyat, penambahan institusi latihan pertanian,pemberian subsidi baja dan insentif pertanian.

Isi 2
Peranan kerajaan – Amalan Pertanian Baik (APB) atau Good Agricultural Practices (GAP) pendekatan Jabatan Pertanian Malaysia-memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti dan selamat dimakan- pengurusan ladang yang mesra alam,

Isi 3
Pameran Pertanian dan Agro Pelancongan (MAHA) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani- 2 tahun sekali bertujuan mempromosikan produk-produk pertanian yang diusahakan di Malaysia kepada masyarakat.MAHA-platform mendedahkan belia kepada bidang pertanian dan memperkenalkan Malaysia sebagai hab pertanian dan industri asas tani utk pelabur asing dan persendirian.

Isi 4
Peranan pihak sekolah- menawarkan subjek Sains Pertanian utk suntikan baharu kepada bidang pertanian.
-memupuk minat remaja menerusi aktiviti kokurikulum- Kelab Pertanian, Makmal Pertanian,Pertanian Rumah Kaca, Hari Keusahawanan dll.

Isi 5
Peranan ibu bapa – memberi dorongan dan sokongan kepada remaja yang meminati bidang pertanian.Memberi pendedahan kepada anak- mengunjungi pameran.

**Kesimpulan**
Usaha – mengubah persepsi mereka terhadap bidang pertanian.
Sinergi semua pihak- merealisasikan impian negara untuk melahirkan lebih ramai golongan muda yang menceburi bidang pertanian.

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**

**SKEMA JAWAPAN SET 1 1103/2 :**
**KERTAS 2**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
**[35 Markah]**

**Soalan 1: Morfologi**

**(i) panas**

1. hangat
2. demam, gerah, palak
3. sinar atau cahaya (matahari)
4. sangat marah, sangat sakit hati
5. hebat, genting, tegang
6. masih baharu (peristiwa)
7. tidak kurang tetapi lebih pula sedikit (timbangan)
8. tidak memberi keuntungan, mendatangkan bala, sial

(ii) **tinggi**

1. besar jaraknya di bahagian bawah, jauh ke atas
2. panjang
3. hampir sampai ke tempat yang di atas sekali
4. luhur, mulia
5. peringkat atau tingkat atas (pangkat, taraf), sangat baik (mutu)
6. sudah lanjut (umur)
7. mahal (harga), besar (perbelanjaan)
8. sudah maju (kecerdasan, tamadun)
9. angkuh, besar diri, sombong
10. halus dan keras (suara), nyaring

(iii) **putih**

1. warna yang paling cerah
2. bersih, murni, suci
3. nama timang-timangan untuk anak lelaki dan perempuan yang keenam atau ketujuh
4. sejenis ikan darat, tebal sisik

(iv) **bersih**

1. tidak kotor
2. bebas daripada pencemaran udara
3. jujur dan ikhlas, suci, murni
4. bebas daripada amalan yang tidak baik (rasuah, penyelewengan)
5. bebas daripada anasir yang tidak baik ( pengaruh, tuduhan)
6. pendapatan, keuntungan yang tinggal setelah ditolak cukai, hutang, kerugian
7. tidak ada cela sedikit pun, suci (hati)

**Soalan 2: Sintaksis**
1. FN + FA
2. FN + FN
3. FN + FK
4. FN + FA
5. FN + FS
6. FN + FK

**Soalan 3: Penyuntingan**
**Petikan 1**

| | | |
|---|---|---|
| berkembang | – | perkembangan |
| pada | – | kepada |
| prodak | – | produk |
| maju | – | kemajuan |
| di antara | – | antara |
| besi | – | kertas |
| surat-mensurat | – | surat - menyurat |

**Petikan 2**

| | | |
|---|---|---|
| Di | - | dalam |
| sirius | - | serius |
| Pengetahuan | - | berpengetahuan |
| mana kala | - | manakala |
| orang | - | pihak |
| Ibubapa | - | ibu bapa |

**Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard**

Laksamana berjalan. **1 Markah**

Pada malam itu suasana kelam-kabut dan hujan renyai-renyai lalu Laksamana tidur di tengah pasar tersebut. **1 Markah**

Laksamana mendengar tapak kaki Kartala Sari sangat kuat bunyinya.

**1 Markah**

Kartala Sari berjalan menuju ke tengah pasar. **1 Markah**

Lalu kakinya tertendang badan Laksamana. **1 Markah**

**Soalan 5 : Peribahasa**
Bagai mencurah air ke daun keladi

Sampah masyarakat

Pantang berundur sebelum berjuang

Mencurah air ke daun keladi

Cendawan tumbuh selepas hujan

Usaha tangga kejayaa

Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih

**[mana-mana 3 jawapan yang diberi]**

**Soalan 6 : Petikan Umum**

Maksud menerokai hutan ialah membuka kawasan belantara **2 Markah**

Persamaannya:

kedua-duanya dimainkan pada waktu lapang. **1 Markah**

kedua-duanya dihasilkan secara kreatif dan kehalusan seni. **1 Markah**

Perbezaannya:

Gasing dimainkan di bumi/tanah manakala wau dimainkan di udara. **1 Markah**

wau dimainkan berdasarkan cuaca yang berangin manakala gasing boleh dimainkan pada bila-bila masa 1 **Markah**

**Isi cukup ialah 2 isi – 1 isi persamaan dan 1 isi perbezaan**

kurang pendedahan daripada ibu bapa atau pihak-pihak yang terbabit **1 Markah**

faktor masa **1 Markah**

faktor kerjaya **1 Markah**

kurangnya kemudahan yang disediakan **1 Markah**

**Isi cukup ialah 2 isi**

Kempen daripada pihak kerajaan **1 Markah**

Jerayawara tentang permainan tradisional **1 Markah**

Aktiviti kokurikulum di sekolah **1 Markah**

Peranan pihak swasta dan badan bukan kerajaan **1 Markah**

Media massa menyiarkan dokumentari tentang permainan tradisional **1 Markah**

**Isi cukup ialah 3 isi**

**Soalan 7 : Petikan Sastera**

i. Rangkai kata *sudah dimakan tua* bermaksud [**2 Markah** ]

- telah lanjut usia
- telah dimamah usia
- telah semakin berusia

ii. Persamaan yang terdapat dalam bahan tersebut ialah

- sikap anak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa yang telah tua
- sikap anak-anak yang telah melupakan pengorbanan ibu bapa mereka
- sikap anak yang tidak menghormati dan menyayangi ibu bapa
- hati ibu bapa yang terluka kerana sikap anak-anak
- ibu bapa yang mengharapkan perhatian dan kasih sayang anak bukannya kemewahan
- ibu bapa yang kesunyian apabila anak-anak semakin dewasa

[2 isi cukup]

[**Maksimum: 3 Markah**]

iii. Pada pendapat saya, cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa:

- sentiasa menghormati mereka/mendengar cakap/membantu mereka
- belajar bersungguh-sungguh
- mempamerkan tingkah laku yang baik/menjaga nama baik ibu bapa
- Sentiasa mendoakan kesejahteraan mereka
- mengingati hari istimewa ibu bapa seperi hari lahir.
- menziarahi mereka dengan kerap sekiranya tinggal berasingan.
- mengambil berat tentang kesihatan mereka.
- meluangkan masa bersama ibu bapa

[2 isi cukup]
[Maksimum: 3 Markah]
**(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)**

iv. Sebagai warga yang prihatin, langkah-langkah yang dapat saya lakukan untuk mengatasi masalah

- melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab
- membantu mencari tempat penginapan sementara
- membantu mendapatkan rawatan perubatan/makanan
- membantu mendapatkan khidmat bimbingan dan kaunseling
- berusaha menjejaki waris mereka melalui saluran yang betul
- membantu mereka mendapatkan pekerja/ memberikan pekerjaan
- melibatkan diri sebagai sukarelawan untuk turun padang membantu golongan ini

[3 isi cukup]
[Maksimum: 4 Markah]
**(Jawapan lain yang sesuai juga diterima)**

**Soalan 8: Novel**

i. Jika kesihatan isterinya sudah pulih dia mengharapkan:

- kepulangannya.
- berkumpul anak- beranak
- Kasihan kepada Anggerik, waktu-waktu sedang membesar, dia memang memerlukan perhatian ibunya.
- dengarlah nasihat doktor untuk makan ubat.

Isi cukup 3 isi – 4 markah

**ii. Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor (Tingkatan 4)**

**Watak Utama : Farisha**

1. **Konflik dalam diri**
   **Huraian konflik :** Farisha sukar menerima kenyataan bahawa dirinya anak angkat kepada keluarga Azraai.
2. **Konflik dengan ibu kandung**
   **Huraian konflik :** Farisha tidak percaya bahawa Medina ialah ibu kandungnya apabila dimaklumkan oleh Medina sendiri.
3. **Konflik dalam kerjaya**
   **Huraian konflik :** Farisha ragu-ragu untuk menerima tawaran daripada Soft Lab yang bernilai RM1.5 juta kerana bimbang tidak dapat menyempurnakan tugasan yang diberi.
4. **Konflik dengan rakan niaga**
   **Huraian konflik :** Farisha menerima desakan daripada Rosman agar menerima tawaran daripada Soft Lab dengan segera.
5. **Konflik dengan abang angkat**
   **Huraian konflik :** Farisha terasa terkongkong akibat tindakan Azraai yang memasang 'retinal scanner' di apartmennya dan menghubungkan intercom di apartmennya ke rumah Azraai.
6. **Konflik menghadapi kegagalan dalam tugasan**
   **Huraian konflik :** Farisha gagal menyelesaikan tugasan menggodam sistem Bank Sapurba yang mengakibatkan 70% data Bank Sapurba lenyap.
7. **Konflik menggunakan pengangkutan awam**
   **Huraian konflik** : Farisha berasa tidak selamat menggunakan pengangkutan awam kerana berasa dirinya diekori dan diperhatikan.

**Silir Daksina karya Nizar Parman (Tingkatan 5)**

**Watak utama : Haiqal Hakimi Bin Abdullah**

1. **Konflik jiwa yang dialami oleh watak utama apabila kehilangan orang tersayang.**
   **Huraian konflik :** Haiqal berasa rindu apabila kehilangan ayah kandungnya Cikgu Abdullah bin Kayan ketika menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).
2. **Konflik antara anak dengan ibu.**
   **Huraian konflik :** Haiqal bertengkar dengan umi kerana keputusannya untuk menjejaki kehidupan silam ayahnya di Johor tidak dipersetujui oleh umi.
3. **Konflik jiwa remaja.**

**Huraian konflik :**Haiqal kurang berpuas hati dengan tindakan umi yang mendesaknya untuk mewarisi empayar perniagaannya sedangkan dia lebih meminati bidang sastera.

4. **Konflik dalam pengurusan yang diwarisi**
   **Huraian konflik :** Haiqal mahu menyerahkan urusan ladang tinggalan ayahnya kepada Tauke Ong tetapi Tauke Ong mahu Haiqal belajar tentang pengurusan ladang tersebut dan bersedia untuk membantunya jika Haiqal melanjutkan pelajaran.

**Skema pemarkahan :**

1. Berikan satu markah untuk penyataan konflik yang betul/tepat. ( 2 penyataan konflik)
2. Berikan 2 markah untuk contoh/huraian yang betul/ tepat.
3. Maksimum 4 markah isi.
4. Maksimum 2 markah bahasa.
5. Maksimum 6 markah.

**Soalan 9: Rumusan**

**Pendahuluan**

| **Jawapan** | **Markah** |
|---|---|
| Rumusan membincangkan **kepentingan** kokurikulum dan **usaha-usaha** menggalakkan pelajar bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah (Kedudukan boleh berubah mengikut jawapan calon. Kesemua kedua-dua fokus mesti ditulis dalam pendahuluan) | 2M |
| Rumusan membincangkan **kepentingan** kokurikulum di sekolah. (Jika calon hanya **menjawab mana-mana 1 fokus** dalam pendahuluan) | 1M |
| Rumusan membincangkan **usaha-usaha** menggalakkan pelajar bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. (Jika calon hanya **menjawab mana-mana 1 fokus** dalam pendahuluan) | 1M |

**Bahan 1 (Fokus 1 : Kepentingan)**

1. dapat memberikan keseronokan
2. dapat mendatangkan pelbagai kebaikan
3. dapat mengembangkan potensi seseorang pelajar.
4. dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

**Bahan 1 (Fokus 2 : Usaha-usaha menggalakkan penglibatan pelajar dalam kokurikulum)**

1. pihak sekolah perlulah menjalankan pemantauan terhadap aktiviti kokurikulum dari masa ke masa
2. pihak kerajaan haruslah menekankan kepentingan penyertaan kegiatan kokurikulum dalam kalangan pelajar melalui pengenalan sistem pendidikan baharu.

**Bahan 2 (Fokus 1 : Kepentingan kokurikulum)**

1. Mengisi masa lapang
2. Menambahkan ilmu pengetahuan.
3. Membina jati diri
4. Menjaga kesihatan diri
